

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 116 ● 26 - 28 MEI 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) SEBARAN UMUM

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Kempen anti vaksin gagal, masyarakat pilih terima suntikan

USAHA golongan anti vaksin untuk menghasut masyarakat Malaysia daripada tidak menerima suntikan menerusi Program Imunisasi Kebangsaan COVID-19, dilihat gagal apabila lebih dua juta individu menerima suntikan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

Menerusi akaun Twitter Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba pada 23 Mei lalu, seramai 1,471,449 individu menerima dos pertama manakala 871,051 orang pula sudah

melengkapkan dua dos suntikan vaksin.

Malah, usaha terkini kumpulan tidak bertanggungjawab itu, yang tegar menularkan satu rakaman audio seorang wanita dikenali sebagai Mak Teh sekali lagi gagal berikutan masyarakat negara ini sentiasa mempersoalkan bila dos tambahan vaksin akan dibawa masuk bagi membolehkan mereka menerima.

Rata-rata masyarakat Malaysia juga menzahirkan perasaan gembira dan tidak sabar selepas Menteri Sains,

Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Khairy Jamaludin memaklumkan tambahan Vaksin AstraZeneca akan dibawa masuk selain turut membuka tempahan penerima bagi mereka yang berusia 60 tahun ke bawah bermula 26 Mei ini.

Ekoran itu, tanpa berlengah, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa terus mengorak langkah untuk memastikan golongan rentan terutama warga emas dan mereka yang berpendapatan rendah (B40) di Wilayah Persekutuan termasuk gelandangan

menerima vaksin dalam kadar segera menerusi Program Mobile Vaccine MYMedic@Wilayah.

Tegas beliau, tindakan itu bagi memastikan golongan sasar berkenaan dilindungi selain membolehkan mereka terus menjalankan aktiviti harian untuk menjana pendapatan tanpa sebarang kebimbangan.

Ia sekali gus dapat mengurangkan impak pandemik terhadap ekonomi kekeluargaan.

BERITA LANJUT DI MUKA 3

PKPD di dua lokasi berkepadatan tinggi Kuala Lumpur

PENINGKATAN bilangan kes jangkitan baharu di samping pertambahan kluster COVID-19 pada masa ini menunjukkan situasi krisis wabak berkenaan di Malaysia semakin kritikal.

Lebih mengjutkan apabila dua lokaliti yang berkepadatan tinggi di Kuala Lumpur turut mencatatkan peningkatan kes sehingga kerajaan terpaksa melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Menurut Pengarah Majlis Keselamatan Negara Wilayah Persekutuan, Azizah Mohamed Said, kedua-dua kawasan terlibat iaitu Kampung Batu Muda Tambahan dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Limau diletakkan di bawah kawalan PKPD bagi tujuan menyekat penularan virus COVID-19 ke kawasan sekitar.

Beliau juga berharap penduduk setempat mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dengan sebaiknya bagi mengelakkan tempoh PKPD dilanjutkan di kawasan berkenaan sekiranya berlaku pertambahan kes jangkitan.

BERITA LANJUT DI MUKA 4

WILAYAH PERSEKUTUAN
WILAYAH PRIHOTIN

7 Inisiatif Wilayah Cakna 5.0

01 Saringan komuniti bersasar

Trak vaksin bergerak
MYMedic@Wilayah 02

03 Pemvaksinan gelandangan

04 Kelas digital SPM mahir tutor

05 Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB)

06 Usahawan Anak Muda Kota WP Kuala Lumpur

07 Pemantauan dan penguatkuasaan SOP

Calon SPM dan penjaja tidak terkecuali menerima faedah KWP

IWC 5.0 fokus usaha pemvaksinan

NAZWIN NAZRI

PEKA dengan situasi semasa yang melanda negara masa ini, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) mewujudkan Inisiatif Wilayah Cakna (IWC) 5.0 khusus untuk warganya yang terjejas secara langsung akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 baru-baru ini.

Melibatkan tujuh elemen, setiap perincian itu akan membantu memudahkan golongan B40 dan miskin bandar menjana pendapatan harian untuk keluarga mereka.

Perkara itu dimaklumkan menurinya, **Tan Sri TPr Annuar Musa** yang mana IWC 5.0 kali ini memberi penekanan kepada usaha pemvaksinan sinar warga Wilayah Persekutuan terutama orang tua dan kurang upaya.

"Kita akan mengadakan saringan komuniti bersasar, trak vaksin bergerak MYMedic@Wilayah dan pemvaksinasian gelandangan.

"Selain itu, menerusi Wilayah Cakna ini juga, kelas digital SPM mahir tutor akan diadakan bagi membantu pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia," katanya menerusi sidang akhbar secara maya pada Selasa.

Annuar turut memaklumkan, Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB) dan Usahawan Anak Muda Kota Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diteruskan di samping pemantauan ketat daripada pasukan KL Watch.

INISIATIF SARINGAN BERSASAR, VAKSINASI

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, saringan komuniti bersasar akan melibatkan 20,000 warga emas dan kumpulan rentan di Kuala Lumpur secara percuma bermula pertengahan Jun ini di empat lokasi Projek Perumahan Rakyat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (PPR MTEN), Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan kampung tradisi.

Jelas beliau, proses saringan akan dikelolakan Kementerian Kesihatan



PESERTA IWBB dan Usahawan Anak Muda Kota dibenarkan terus beroperasi selain diberikan lesen perniagaan rasmi. - Gambar fail

(KKM) dengan kerjasama DBKL yang memberi tumpuan kepada lokasi Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) berikutnya kebanyakan warga Kuala Lumpur yang tidak bergejala menjadi pembawa penyakit senyap (*silent carrier*) sehingga menyebabkan gelombang keempat wabak COVID-19 di sesatu kawasan.

Bagi Program Vaksinasi Bergerak MYMedic@Wilayah pula, ujar beliau, sebanyak 67 PPR akan menerima suntikan vaksin percuma dengan melibatkan tiga trak MYMedic@ Wilayah dan ia akan memanfaatkan kira-kira 20,000 warga emas serta kumpulan rentan.

Kata beliau, sebanyak RM7 juta diperuntukan KWP dan DBKL bagi membiayai program pemvaksinan tersebut yan mana seramai 900 orang disasarkan menerima vaksin pada setiap hari dengan melibatkan tiga lokasi tumpuan.

"Penvaksinan melalui kaedah ini dapat memastikan semua warga Kuala Lumpur divaksin sepenuhnya menjelang akhir tahun 2021. Manakala bagi golongan gelandangan pula, mereka yang telah menjalani ujian saringan COVID-19 bermula 27 Mei 2021 akan divaksinkan.

"Fasa pertama itu melibatkan 119

gelandangan yang menghuni Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, Anjung Kelana Taman Desa dan Anjung Singgah. Baki gelandangan seramai 132 orang yang juga telah menjalani ujian saringan COVID-19 pada 24 Mei akan divaksin secara berperingkat di Dewan Komuniti Sentul Perdana, Kuala Lumpur," jelasnya.

INISIATIF KEPADA PELAJAR

Menyedari kumpulan pelajar turut terjejas dengan PKP 3.0, KWP memperkenalkan kelas digital SPM mahir tutor sebagai bantuan kepada mereka yang bakal menduduki peperiksaan tidak lama lagi.

Berkata mengenainya, Annuar memberitahu, KWP dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) akan memberikan kelas berkenaan kepada semua calon SPM di Wilayah Persekutuan mulai 1 Jun ini sehingga tarikh tamat peperiksaan.

Katanya, kelas tersebut akan merangkumi 10 subjek teras serta kritikal SPM iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sejarah, Pendidikan Islam, Matematik, Sains, Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan.

"Kesemua kelas pembelajaran SPM mahir tutor itu telah direkodkan

(video on demand) yang membolehkan pelajar mengaksesnya melalui semua jenis peranti dan berinteraksi dengan tutor melalui 'live chat'.

"Bagi memastikan kelancaran proses pembelajaran secara atas talian, pihak DBKL akan melaksanakan pemasangan wifi percuma di semua lokasi terlibat," katanya.

INISIATIF KEPADA PENJAJA

Menurut Annuar, kementerianya juga mengambil kira kumpulan rentan yang kehilangan pekerjaan serta menjana pendapatan menerusi penjajaan, oleh itu Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB) diteruskan yang mana golongan terlibat diberi pengecualian bayaran bagi pembaharuan lesen perniagaan sehingga 31 Disember ini.

Berkata lanjut, ujar beliau, ia akan melibatkan kira-kira 4,510 peniaga berlesen di Kuala Lumpur, Putrajaya serta Labuan dan lokasi gerai akan disusun semula bagi mengelakkan pengelompokan peniaga di sesuatu kawasan tumpuan.

Mengulas tentangnya, beliau memberitahu, sehingga kini, KWP menerima 7,842 permohonan bagi IWBB, daripada jumlah itu hanya 4,491 diluluskan lesen rasmi manakala selebihnya sedang diproses.

"Harap kemudahan ini akan memberi kelegaan dan membolehkan peserta merancang usaha mereka bagi mengharungi suasana yang getir terutama menjana pendapatan untuk keluarga masing-masing.

"Untuk memastikan program ini tidak bercanggah dengan usaha kita, DBKL diminta menyusun kedudukan gerai peserta IWBB supaya gerai beroperasi berjauhan antara satu sama lain.

"Bagi Program Usahawan Anak Muda Kota Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula, Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR) akan dijadikan ruang perniagaan harian dengan jumlah peniaga yang terhad," ujar beliau.

Annuar berkata, sebanyak 50 petak perniagaan berukuran lapan kaki persegi dengan jarak kira-kira 2.4 meter antara setiap gerai akan dilakukan supaya dapat mematuhi

INFO WILAYAH CAKNA 5.0

7 INISIATIF

- Saringan komuniti bersasar**
 - Melibatkan 20,000 warga emas, B40
 - Percuma mulai pertengahan Jun 2021
 - Lokasi PPR MTEN/PA DBKL dan kampung tradisi

Trak vaksin bergerak

- MYMedic@Wilayah**
 - Melibatkan 67 PPR
 - RM7 juta diperuntukan
 - 900 penerima dalam sehari

Pemvaksinan gelandangan

- 119 gelandangan bagi fasa pertama melibatkan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, Anjung Kelana Taman Desa dan Anjung Singgah
- 132 gelandangan di Dewan Komuniti Sentul Perdana divaksin secara berperingkat

Kelas digital SPM mahir tutor

- Mulai 1 Jun 2021
- Melibatkan 10 subjek teras
- Wifi percuma di lokasi terabit

Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB)

- Pengecualian bayaran pembaharuan lesen perniagaan sehingga 31 Disember 2021
- Melibatkan 4,510 peniaga berlesen

Usahawan Anak Muda Kota Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

- Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR) dijadikan ruang niaga harian
- 50 lot niaga berukuran lapan kaki persegi disediakan dengan jarak kira-kira 2.4 meter antara gerai
- Bermula Julai 2021

Pemantauan dan penguatkuasaan SOP

- Dilakukan DBKL melalui pasukan KL Watch

prosedur operasi standard (SOP) di samping pemantauan pasukan KL Watch. **WK**

INFO WILAYAH CAKNA

Wilayah Cakna 1.0

Tarikh: 25 Mac 2020 - Oktober 2020
Peruntukan: RM63.6 juta bagi membantu warga kota dalam mengurus impak penularan wabak COVID-19.
Sasaran: Golongan miskin bandar, Penjaja dan Petugas barisan hadapan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

21 inisiatif antara:

- Pengecualian 6 bulan bayaran sewa PPR MTEN dan Perumahan Awam DBKL (Mac-Ogos 2020)
- Bantuan kit makanan asas khusus untuk warga Labuan yang terputus mata pencarian
- Bantuan Food Pack dengan jumlah keseluruhan RM6.6 juta untuk warga PPR/PA/DBKL/miskin bandar/isi rumah berpendapatan bawah RM3,000
- Penangguhan 6 bulan bayaran ansuran unit beli PPR MTEN dan PA DBKL di bawah skim Syarikat Perumahan, Yayasan Wilayah Persekutuan

Wilayah Cakna 2.0

Tarikh: 30 Mac 2020 - Oktober 2020
Peruntukan: RM2.32 juta
Sasaran: Tambahan inisiatif selaras dengan inisiatif

prihatin kepada warga Wilayah Persekutuan Labuan.

Inisiatifnya adalah:

- Bantuan one-off RM500 kepada 1,300 penjaja dan peniaga kecil berlesen di Labuan berjumlah RM650,000
- Sejumlah RM1,036,110 diperuntukkan bagi pengecualian 6 bulan bayaran sewa premis niaga milik Perbadanan Labuan kepada 774 penjaja dan peniaga kecil berlesen
- Pengecualian enam bulan bayaran sewa perumahan awam milik Perbadanan Labuan kepada 546 keluarga bermula Mac hingga Ogos 2020 berjumlah RM933,210
- Bantuan kepada asnaf dan golongan berpendapatan rendah termasuk pemberian 600 kit bantuan makanan, kebajikan dan kesihatan yang berjumlah RM50,000 bagi warga Labuan yang terkesan. Penambahan 1,200 kit bantuan makanan selepas menerima permorhan tambahan daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Labuan.

Wilayah Cakna 3.0

Tarikh: Oktober - Disember 2020 (tiga bulan)

Peruntukan: RM39.75 Juta

Tujuan: Membantu meringankan beban khususnya golongan B40 dan miskin yang terkesan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Antara inisiatifnya:

- Pengecualian 3 bulan sewa PPR dan PA DBKL (Oktober - Disember 2020)
- Bantuan Food Pack kepada keluarga miskin & asraf bernilai RM100 one-off
- Bantuan Buku latihan sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk digunakan di koperasi sekolah berbentuk buacar bernilai RM100 kepada 25,000 pelajar miskin.
- Pengecualian bayaran bagi pembaharuan lesen penjaja dan peniaga kecil Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) untuk bulan November 2020

Wilayah Cakna 4.0

Tarikh: Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020 (tiga bulan)

Kementerian Wilayah Persekutuan memperuntukan

sejumlah RM3.01 juta kepada golongan B40 di Labuan, gelandangan, atlet dan jurulatih.

Sasaran: Golongan B40 dan miskin di Labuan yang terkesan dengan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)

Tujuan: Wilayah Cakna 4.0 dilaksanakan untuk membuktikan keperihatinan kerajaan terhadap golongan terjejas dengan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Antara inisiatifnya:

- Pengecualian bayaran sewa premis niaga milik Perbadanan Labuan kepada 772 penjaja dan peniaga kecil berlesen di Labuan.
- Pengecualian bayaran pembaharuan lesen perniagaan bagi tempoh 3 bulan bermula Oktober kepada 468 orang peniaga kecil dan peniaga pasar awam milik Perbadanan Labuan.
- Bayaran sewa perumahan bagi tempoh tiga bulan bermula Oktober-Disember kepada 617 penyewa perumahan awam Perbadanan Labuan (PL)
- Diskon pajakan lot tanah sebanyak 30 peratus selama 3 bulan kepada 108 pemilik tanah milik PL sehingga disember. Ia melibatkan 85 syarikat

Mobile Vaccine MYMedic@Wilayah mudahkan warga kota

Warga emas hanya ‘walk in’ suntik vaksin

SENTIASA mengutamakan kebaikan warganya, Menteri Wilayah Persekutuan mengumumkan pihaknya akan melaksanakan pemberian vaksin secara langsung menerusi Program Mobile Vaccine MYMedic@Wilayah.

Tan Sri TPr Annuar Musa berkata demikian menerusi ciapan di Twitter rasminya pada 23 Mei lalu, yang bertujuan membantu mempercepatkan penyaluran vaksin kepada masyarakat terutama dalam keadaan kritikal masa ini.

“Insya-Allah kita sedang buat persiapan untuk memulakan program Mobile Vaccine MYMedic@Wilayah Truck (vaksin bergerak). Kumpulan B40 di PPR, terutama warga emas boleh ‘walk in’ Insya-Allah.

Gelandangan juga akan segera diberi vaksin. Details (perincian) sedang diperkemas dengan MOSTI dan KKM,” ciapnya di Twitter pada 23 Mei lalu.

Terdahulu, Annuar turut menzahirkan rasa gembira apa-



ANNUAR (tengah) melihat fasiliti yang ada dalam trak MYMedic@Wilayah semasa pelancarannya tahun lepas.

bila cadangannya untuk menyediakan perkhidmatan trak vaksin bergerak kepada kumpulan terlibat dipersetujui Kementerian Kesihatan (KKM) serta Kementerian Sains,

Teknologi dan Inovasi (MOSTI).



KERATAN Wilayahku Edisi 115.

Menerusi ciapan terkini di Twitter rasminya baru-baru ini,

beliau memaklumkan perincian sedang diperkemas dengan pihak berwajib tersebut.

Beliau memberitahu, langkah yang diambil itu juga akan memudahkan warga emas kerana kumpulan berkenaan tidak perlu membuat janji temu sebaliknya terus hadir untuk menerima suntikan vaksin.

Annuar juga mengucapkan terima kasih kepada pihak MOSTI dan KKM yang memberikan reaksi positif terhadap cadangannya.

Tambah beliau, pihaknya sedang mengenal pasti projek perumahan rakyat serta perumahan awam yang akan diberi keutamaan termasuk orang kurang upaya (OKU).

Untuk rekod, Program MYMedic@Wilayah menyediakan rawatan asas dan pemeriksaan percuma menerusi klinik bergerak kepada warga kota yang kurang berkemampuan secara mingguan.

Terdapat kira-kira 11 trak bergerak bagi program berkenaan. WK

CERITA KEDAI KOPI



Trak bergerak vaksinasi di WP

KADAR jangkitan COVID-19 yang meningkat kebelakangan ini dengan kes jangkitan baharu sebanyak 6,976 dicatatkan pada 23 Mei 2021, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) mencatat 447 kes pada hari sama, menimbulkan kebimbangan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa.

Kerana itu beliau mahu program vaksinasi di WP dipercepatkan. Sehubungan itu beliau memohon kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk menganjurkan program vaksinasi di projek perumahan rakyat (PPR) dan perumahan awam (PA) secara menyeluruh.

Ini merupakan cadangan yang proaktif dan prihatin. Sebagai pemimpin yang sentiasa mengambil berat kesejahteraan warga WP, beliau bimbang dengan perkembangan kes COVID-19 dan mahu suntikan untuk warga WP disegerakan.

Melalui ciapan Twitter nya pada 16 Mei, Annuar mengharapkan KKM dan MOSTI memberi kelulusan untuk menganjurkan program suntikan vaksin melalui *mobile vaccine truck* atau trak vaksinasi bergerak. Matlamat liputan ialah kawasan pemilikan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) seperti PPR, PA dan kampung tradisi.

Program ini memang berupaya membantu usaha menyegerakan immunisasi di Wilayah Persekutuan. Ini kerana pendaftaran menggunakan aplikasi MySejahtera mengambil masa sebelum mendapat tarikh temu janji.

Tidak sukar melaksanakan program ini kerana DBKL mempunyai kemudahan trak bergerak di bawah Program MYMedic@Wilayah yang diperkenalkan tahun lalu. Melalui program tersebut, Kementerian Wilayah Persekutuan menyediakan 10 buah trak untuk pemeriksaan kesihatan penduduk di PPR dan PA setiap minggu.

Trak inilah yang boleh digunakan bagi program vaksinasi bergerak. Ia bukan sahaja membolehkan vaksinasi untuk warga WP dipercepatkan tetapi juga mengurangkan kesesakan di pusat-pusat vaksinasi lain di seluruh WP.

Warga Wilayah Persekutuan sambut baik vaksin bergerak

RATA-RATA penduduk Wilayah Persekutuan sambut baik Program Mobile Vaccine MYMedic@Wilayah yang direncanakan.

Menerusi tinjauan Wilayahku di media sosial, majoriti pemilik akaun memberikan maklum balas positif terhadap ciapan status yang dimuatnaik Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa sejak cadangan pelaksanaan itu disiarkan.

Mereka juga memuji usaha berkenaan sebagai satu langkah yang baik dalam memastikan kebaikan serta kesihatan golongan rentan terpelihara.

Salah seorang pelayar Twitter, @hafiznafiah turut meminta proses berkenaan dipercepatkan kerana ia penting bagi pelbagai sektor.

“Good job Tan Sri. Percepatkan proses vaksin ini. Penting bagi pelbagai sektor dan faktor,” ciapnya.

Bagi @KRijalpauzi pula, langkah itu amat menarik dan boleh dilakukan seperti ‘pandu lalu’ sahaja.

Berpandangan sa- ma, @krystalblk juga berharap tindakan itu dapat

dilakukan di kawasan pedalaman selain muhi ia dilakukan secara ‘pandu lalu’.

Aidil Aziz turut mengucapkan tahniah kepada Menteri Wilayah atas usaha berkenaan yang dilihat sangat baik serta memudahkan golongan rentan.

Sepertinya, Faridza menyatakan lebih ramai masyarakat yang boleh mendapatkan vaksin serta terlindung

dari pada bahana wabak COVID-19.

Dalam pada itu, seorang pelayar Twitter, Abu Mu'aaz meminta Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari untuk turut mengambil langkah sama seperti di Wilayah Persekutuan berikut warga emas berhadapan kesukaran mendapatkan suntikan vaksin di lokasi yang ditetapkan selain terpaksa beratur panjang. WK

Tweet

Jamaludin @jbhjamal · 5d
Replies to @AnnuarMusa
GOOD IDEA...but why KKM and MOSTI is slow and take a long time to decide.....see Stadium Titiwangsa Centre....those on wheel chair queuing outside...and there are hundred of venues belonging to government offices that have good facilities....but remain unused....

Kris Angel @krystalblk · 2h
Replies to @AnnuarMusa and @omarge
Ok yg ni Good Idea, boleh apply the same method utk pendalamian, and also please consider drive-thru vaccination program

Faridza @idh467 · 5d
Replies to @AnnuarMusa
Great Tan Sri at least ramai boleh dapat vaccine cepat dan harap terlindung

Mohd Sharizal @SidekSharizal · 5d
Replies to @AnnuarMusa
Amin good safe for all.. Percepat mudah perlaksanaan keselamatan rakyat Malaysian covid 2021

Tweet

Mohd Sharizal @SidekSharizal · 5d
Replies to @AnnuarMusa
Amin good safe for all.. Percepat mudah perlaksanaan keselamatan rakyat Malaysian covid 2021

Azmimusa65 @azmimusa65 · 5d
Replies to @AnnuarMusa
Mmg idea yg bernas,kami bersama menyokong usaha murni dari YB TS Annuar Musa.

roseeza rose @RoseezaR · 5d
Replies to @AnnuarMusa
semoga Allah permudahkan urusan tuan untuk membantu penduduk di ppr...

POKNIK 🇲🇾🇲🇾 @pian2011 · 5d
Replies to @AnnuarMusa
Semoga dipermudahkan segala urusan TSAM dan seluruh warga wilayah

Penduduk Kampung Batu Muda Tambahan, PPR Kampung Limau akur Laksana PKPD kekang penularan COVID-19

AZLAN ZAMBRY

DUA kawasan di Kuala Lumpur, Kampung Batu Muda Tambahan dalam Parlimen Batu dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Limau dalam Parlimen Lembah Pantai telah mencuri perhatian warga kota apabila ia mencatatkan pertambahan kes positif COVID-19 sekali gus telah diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Pengarah Majlis Keselamatan Negara Wilayah Persekutuan, **Azizah Mohamed Said** berkata, kerajaan tegas melaksanakan PKPD di dua lokality tersebut disebabkan jumlah pertambahan kes di kawasan tersebut selain ia bertujuan untuk menyekat penularan virus tersebut ke kawasan sekitar.

"Setakat ini, pihak berkuasa melalui Kementerian Kesihatan (KKM) sedang melaksanakan pemantauan terhadap kawasan tersebut dan difahamkan saringan data persampelan sedang dilakukan bagi mengenalpasti individu yang dijangkiti.

"Tindakan yang diambil adalah seiring dengan keperluan semasa kerana kawasan yang dikenakan PKPD adalah berhampiran dengan kawasan penempatan yang padat. Oleh yang demikian, keputusan yang diambil adalah sejajar dengan kepentingan untuk melindungi

kesihatan orang awam," katanya kepada *Wilayahku* pada Isnin.

Menurut Azizah, dalam mengawal selia situasi di dalam kawasan PKPD, koordinasi antara jabatan memainkan peranan yang penting bagi memudahkan urusan berkaitan.

"Koordinasi antara jabatan dilaksanakan mengikut arahan MKN No. 20 (Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara).

"Operasi akan diketuai oleh PDRM atau lebih khususnya Ketua Polis Daerah yang terlibat melalui Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB).

"Semua agensi bantuan seperti Jabatan Kesihatan Negeri, Briged ke-12, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Sukarelawan (RELA), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Radicare sentiasa komited dalam membantu pengurusan yang melibatkan aktiviti pengesanan kontak rapat dan tindakan kawalan pergerakan yang dijalankan secara komprehensif di kawasan PKPD.

"Mesyuarat harian secara berkala turut diadakan bagi mengekalkan tindakan dan menyelesaikan sebarang isu berkaitan termasuklah soal kebajikan penduduk yang terlibat," katanya.

Azizah berkata, penduduk di



MENURUT Azizah perlaksanaan PKPD di dua lokality tersebut bagi mengekang penularan virus COVID-19 di kawasan sekitar.

dalam kawasan PKPD telah memberi kerjasama yang baik dalam pematuhan SOP di dalam kawasan tersebut.

"Penduduk dilihat mematuhi nasihat yang diberikan iaitu untuk mereka kekal berada di rumah dan tidak berjalan-jalan dari rumah ke rumah.

"Sekiranya SOP gagal dipatuhi oleh para penduduk, kita bimbang tempoh PKPD akan dilanjutkan berikutan peningkatan kes dari hari ke hari di kawasan tersebut," katanya.

Tambahnya lagi, para penduduk ataupun persatuan penduduk, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan lain-lain boleh membantu malahan boleh menyalurkan sebarang permasalahan, kesulitan ataupun kecemasan kepada bilik gerakan.

Dalam pada itu, Azizah menegaskan, pemantauan terhadap pematuhan SOP di kawasan tumpuan awam terutama di pusat membeli belah telah dipertingkatkan.

"Setiap premis perlu mematuhi

SOP yang telah ditetap atau akan berhadapan dengan kompaun sekiranya gagal mematuhi SOP yang ditetapkan.

"Agensi penguatkuasa sama ada secara bersepadan atau tidak juga giat melaksanakan pemantauan. Sistem Hotspots Identification for Dynamic Engagement (HIDE) yang dibangunkan oleh Bank Negara kini telah dapat mengenal pasti kemasukan kontak rapat ke dalam premis," katanya.

Tegasnya, semua pemilik premis akan terus memberikan kerjasama agar pematuhan SOP dalam kalangan pengunjung menjadi keutamaan mereka.

"Sekiranya didapati ada premis yang tidak mematuhi peraturan yang disediakan, premis itu akan diarah tutup selamat tiga hari untuk tujuan sanitasi.

"Dalam hal ini kerjasama dan komitmen pemilik premis untuk meningkatkan kawalan agar semua pengunjung dapat mengelakkan penularan COVID-19," katanya.

Ujar Azizah, secara umumnya penerimaan warga kota terhadap pematuhan SOP adalah baik walaupun masih terdapat segelintir masyarakat yang masih kurang peka dan enggan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

"Budaya norma baru ini perlu dipatuhi dan dijawai agar orang ramai dapat hidup seperti sediakala apabila rantaian COVID-19 dapat diputuskan," ujarnya. **WK**

Pelanggaran SOP penyebab PKPD Kampung Batu Muda Tambahan

PERINTAH Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lokality, Kampung Batu Muda Tambahan dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Limau dilaksanakan kerana terdapat pertambahan kes positif yang ketara di dalam kawasan tersebut.

Pegawai Kesihatan Daerah, Pejabat Kesihatan Kepong, **Dr Sukhvinder Singh** berkata, faktor geografi dan kepadatan penduduk di dalam kawasan Kampung Batu Muda Tambahan dan sekitar merupakan faktor yang dikenal pasti menyebabkan kluster baharu COVID-19 tercetus.



SUKHVINDER

Tambahan ini dilaporkan mempunyai sejarah pergerakan ke Surau Al-Fatih yang berhampiran bagi aktiviti solat berjemaah atau solat tarawih," katanya kepada *Wilayahku* pada Isnin.

Menurut Sukhvinder, terdahulu pihaknya telah dimaklumkan bahawa terdapat 20 kes positif yang diterima pada 12 Mei lalu melalui emel.

"Kes indeks adalah berkaitan dengan seorang lelaki Melayu berumur 25 tahun yang disaring pada 8 Mei kerana bergejala dan beliau mempunyai sejarah pergerakan ke Surau Al-Fatih.

"Kami mengesyaki telah berlaku perlanggaran prosedur operasi standard (SOP) sewaktu para jemaah berkumpul bagi aktiviti berehat antara waktu solat Isyak dan tarawih di bahagian belakang surau," katanya.

Beliau berkata, sehingga 23 Mei lalu, pihaknya telah melaksanakan ujian persampelan dan mendapati sebanyak 113 kes positif COVID-19 dikenalpasti di Kampung Batu Muda Tambahan.

"Pecahan kes adalah mengikut Kluster Kampung Batu Muda (Surau Al-Fatih) adalah sebanyak 107 kes dan

ia berlaku penambahan sebanyak lapan kes baru.

"Bagi lokality lain adalah sebanyak 19 kes iaitu, Kampung Sri Batu, 11 kes, Kampung Batu Muda, lima kes, Maxim Sentul, Kuarters Kerajaan Jalan Duta dan Panorama Sentul masing-masing mencatatkan satu kes," katanya.

Dalam pada itu, Sukhvinder menasihatkan orang ramai untuk sentiasa mematuhi arahan pihak keselamatan dan melaksanakan kuarantin kendiri bagi memastikan penularan wabak ini dapat dihentikan.

"Kesedaran dan sensitiviti dalam kalangan orang ramai perlu dipertingkatkan agar mereka tidak menjadi sebahagian daripada kluster baharu kes COVID-19."

"Pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) perlu diwajibkan, dan diperkasakan, kerana hanya dengan cara itu wabak ini dapat dihentikan dan orang ramai harus berwaspada.

"Sekiranya tiada perkara yang mustahak, orang ramai dinasihatkan untuk menghentikan aktiviti luar rumah dan sekiranya semua pihak berganding bahu, kita akan dapat merasai kesannya seperti satu waktu dahulu," katanya. **WK**

Lima subzon Labuan dikenakan PKPD

SUSULAN peningkatan kes COVID-19 secara mendadak, Kerajaan bersekuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di lima sub-zon Wilayah Persekutuan Labuan bermula 26 Mei sehingga 24 Jun 2021.

Menurut keenyataan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara Isnin lalu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaporkan peningkatan kes secara mendadak di kelima-kelima sub-zon yang kini berstatus jingga dan merah.

Katanya, KKM telah mengeasahkan kadar kebolehjangkitan di pulau itu pada 23 Mei lalu adalah 2.55 melebihi 2.00 dan berkemungkinan berlaku jangkitan berskala besar berlaku.



BANTING peringatan dipasang di sekitar Labuan selepas wilayah itu dikategorikan sebagai Zon Merah akibat peningkatan kes jangkitan COVID-19.

"Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, kerajaan bersetuju untuk melaksanakan PKPD di lima Sub-zon dalam Wilayah Persekutuan Labuan," kata kenyataan itu.

Menurutnya, pelaksanaan PKPD itu bagi mengawal pergerakan penduduk di kesemua kawasan seterusnya mengekang penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti lain. **WK**

Lambat bertindak terhadap aduan akaun palsu di media sosial

SKMM kecewa dengan penyedia platform

KEBANJIRAN akaun palsu menyebabkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) kesal dengan penyedia perkhidmatan media sosial kerana gagal mengambil tindakan pantas terhadap laporan mengenai akaun palsu yang dikemukakan suruhanjaya berkenaan.

SKMM yang meluahkan kekecewaan itu dalam satu kenyataan menegaskan pihak penyedia platform seperti Facebook, Twitter, Instagram, WhatsApp dan Telegram lambat bertindak terhadap akaun palsu terutama bagi tujuan penipuan.

"Kelewatan tindakan berhubung perkara ini dibimbangi akan merencatkan usaha SKMM dalam melindungi pengguna media sosial daripada akaun-akaun palsu terutamanya yang menyamar dan menyalahgunakan identiti individu dan entiti lain, yang boleh menyebabkan kerugian wang ringgit kepada pengguna," kata SKMM.

Dalam kenyataan sama, SKMM menegaskan oleh kerana platform sedemikian yang tidak dilesenkan kerana beroperasi di luar Malaysia, SKMM amat bergantung kepada tindakan yang dibuat oleh pihak penyedia platform dalam menangani isu tersebut.



PIHAK penyedia platform media sosial perlu lebih bertanggungjawab untuk memastikan platform yang dikendalikan mereka selamat untuk pengguna Malaysia.

Justeru, SKMM menggesa pihak penyedia platform untuk lebih bertanggungjawab, responsif dan bertindak pantas terhadap setiap laporan yang dikemukakan oleh suruhanjaya tersebut.

SKMM secara tegas menyatakan pihak penyedia platform secara langsung mempunyai tanggungjawab bagi memastikan platform yang dihoskan pihak mereka adalah selamat kepada pengguna.

"Tindakan pantas yang diam-

bil adalah penting dan perlu demi melindungi kepentingan serta keselamatan pengguna," katanya.

Dalam pada itu, SKMM sekali menasihatkan pengguna supaya berwaspada, kekal selamat dan menjadi seorang pengguna bertanggungjawab yang mengamalkan penggunaan internet secara berhemah serta mengelak menjadi mangsa kepada akaun palsu yang menyalahgunakan rangkaian media sosial. WK

Bank Rakyat tawar lanjutan moratorium

BANK Rakyat akan melanjutkan tempoh bantuan bayaran pembiayaan bersasar yang akan berakhir pada 30 Jun ini kepada pelanggan yang telah diberhentikan kerja dan masih belum mendapat pekerjaan baru, pelanggan yang masih dalam tempoh bercuti tanpa gaji, pelanggan yang mengalami pengurangan gaji atau pendapatan serta pelanggan yang pasangannya turut terjejas.

Menurut pemangku ketua pegawai eksekutifnya Syed Abdul Aziz Syed Hassan, Bank Rakyat amat prihatin terhadap situasi terkini yang masih tidak stabil.

"Selaras dengan pengumuman berhubung Bantuan Bayaran Pembayaran Bersasar oleh Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (Aibim) pada 12 Mei 2021, Bank Rakyat komited untuk membantu pelanggan merancang komitmen pembayaran mereka menerusi program bantuan pengurusan kewangan,"

katanya dalam kenyataan baru-baru ini.

Antara kriteria pelanggan yang boleh memohon bantuan ini adalah pelanggan yang telah diberhentikan kerja dan masih belum mendapat pekerjaan baru, pelanggan yang masih dalam tempoh bercuti tanpa gaji, pelanggan yang mengalami pengurangan gaji atau pendapatan serta pelanggan yang pasangannya turut terjejas.

Permohonan lanjutan Bantuan Bayaran Pembayaran Bersasar ini boleh dibuat mulai 1 Julai 2021 dan pelanggan perlu menghubungi bank menerusi e-mel di bankrakyatrn@bankrakyat.com.my dengan menyertakan nama penuh, nombor kad pengenalan dan nombor telefon bimbit untuk dihubungi.



Polis buka kertas siasatan berita palsu kematian atlet memanah negara

POLIS membuka kertas siasatan terhadap individu yang disyaki menyebarkan berita palsu mengenai kematian pemanah negara Allahyarham Haziq Kamaruddin yang didakwa meninggal dunia akibat pengambilan suntikan vaksin AstraZeneca.

Ketua Polis Daerah Kajang ACP Mohd Zaid Hassan berkata siasatan dibuat selepas polis menerima laporan daripada seorang pelajar perempuan pada Sabtu lepas yang melihat sebuah rakaman video dikongsikan menerusi aplikasi WhatsApp dan Instagram.

Beliau berkata video berdurasi tiga minit 34 saat itu, memaparkan dakwaan seorang wanita mengenai kematian Haziq disebabkan saluran darah tersumbat akibat pengambilan vaksin AstraZeneca dan melemparkan tuduhan terhadap Kementerian Kesihatan kerana menyembunyikan punca kematian sebenar serta melaporkan jumlah kes positif tidak tepat.

"Polis sedang mengesan individu yang terlibat dalam rakaman video itu dan kes disiasat di bawah Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Orang ramai dinasihatkan tidak sewenang-wenangnya mengulas atau menularkan sebarang mak-



KETUA perkhidmatan perubatan forensik mengesahkan arwah haziq meninggal dunia kerana komplikasi salur darah jantung tersumbat dan tiada kaitan dengan COVID-19.

lumat yang tidak sahih, tindakan ini boleh mendatangkan kegusaran kepada masyarakat," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Pada 15 Mei lepas, Ketua Perkhidmatan Perubatan Forensik Datuk Dr Zahari Noor dalam kenyataan mengesahkan Haziq berusia 27 tahun itu meninggal dunia kerana komplikasi salur darah jantung tersumbat akibat daripada perubahan arteriosklerosis dan tiada kaitan dengan vaksinasi COVID-19.

Haziq pernah mewakili negara ke Sukan Olimpik London 2012 dan Rio 2016, dilaporkan rebah di rumahnya kira-kira 8 pagi pada 14 Mei lepas, sebelum dikeharkan ke Hospital Kajang dan disahkan meninggal dunia pada 9.37 pagi.

Selain itu, Haziq antara lebih 200 atlet dan pegawai yang terlibat dalam persediaan ke Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo yang lengkapkan dos suntikan vaksin Pfizer-BioNTech pada 4 Mei lepas.

PROGRAM OUTREACH VAKSINASI COVID-19

DI MASJID, SURAU JUMAAT DAN SURAU SELURUH WILAYAH PERSEKUTUAN

(Bermula Februari 2021)

 <p>Kaunter Penerangan dan Pendaftaran</p> <p>38 masjid</p>	 <p>Paparan E-Poster dan Klip Video di Layar Digital</p>
 <p>Pengumuman Pendaftaran Vaksin Sebelum Solat Jumaat</p> <p>89 masjid, 123 surau Jumaat, 172 surau Jumaat sementara</p>	 <p>Khutbah Jumaat Khas Isu Vaksin</p> <p>2 siri</p>
LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA.	

Kemalangan LRT paling buruk dalam sejarah

Rawatan penuh untuk mangsa - PM

PERDANA Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu rawatan penuh kesemua mangsa yang terlibat dalam insiden pertembungan dua tren Transit Aliran Ringan (LRT) laluan Kelana Jaya malam Isnin diberi keutamaan.

Katanya beliau telah beri arahan kepada semua pihak supaya memberi kerjasama sepenuhnya bagi memastikan mangsa mendapat rawatan menyeluruh memandangkan: "kita juga berada dalam gelombang pandemik COVID-19 yang sedang meningkat naik".

"Saya memandang serius kemalangan ini dan telah mengarahkan Kementerian Pengangkutan dan Prasarana Malaysia Berhad untuk melakukan siasatan penuh untuk mengenal pasti punca kemalangan ini, dan tindakan yang



MUHYIDDIN

tegas harus diambil dengan segera," katanya dalam catatan di Facebooknya.

Terdahulu, menurut Ketua Polis Daerah Dang Wangi ACP Mohamad Zainal Abdullah dalam kejadian kira-kira pukul 8.45 malam itu, seramai 213 penumpang cedera dengan 47 daripadanya cedera parah.

Kejadian berkenaan yang berlaku di dalam terowong antara Stesen LRT KLCC dan Stesen LRT Kampung Baru melibatkan satu tren yang membawa penumpang dan sebuah tren rosak yang sedang dipandu uji.

Menurut Mohamad Zainal, kesemua mangsa telah berjaya diselamatkan dan diantar ke Hospital Kuala Lumpur.

Sementara itu, Muhyiddin turut mendoakan agar semua kerja-kerja penyelamatan diper-



KEMALANGAN dua tren LRT laluan Kelana Jaya malam Isnin menyebabkan 47 penumpang cedera parah manakala 166 penumpang lagi cedera ringan dan dirawat di Hospital Kuala Lumpur.

mudah dan penumpang terlibat selamat manakala mereka yang cedera diberikan rawatan segera.

Kejadian dua tren Transit Aliran Ringan (LRT) laluan Kelana Jaya bertembung di da-

lam terowong antara Stesen LRT Kampung Baru dan KLCC pada malam Isnin, menyebabkan 47 penumpang parah manakala 166 lagi cedera ringan.

Foto dan video tular dikongsikan di media sosial memaparkan penumpang LRT berkenaan yang dilihat cedera, terduduk, terbaring, malah ada yang dilihat berlumuran darah dalam insiden pada pukul 8.45 malam itu, benar-benar mengejutkan negara.

Insiden berlaku pada hari ke-12 Syawal, ketika negara sedang berhadapan dengan situasi kritis pandemik COVID-19, menyebabkan tumpuan rakyat berlah sekutik kepada insiden yang melibatkan sebuah tren membawa penumpang dan sebuah tren rosak yang sedang dipandu uji.

Seramai 213 penumpang yang berada di dalam satu tren itu cedera dan diantar ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) serta beberapa hospital berhampiran. **WK**



Kecekapan petugas barisan hadapan memindahkan semua mangsa kemalangan dari tempat kejadian ke hospital dan seterusnya menerima rawatan dipuji orang ramai. GAMBAR KECIL Tan Sri TPr Annuar Musa dalam sidang media di HKL selepas melawat mangsa petang Selasa.

Annuar tuntut siasatan terperinci demi keselamatan awam

Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri TPr Annuar Musa minta agar siasatan terperinci dilakukan mengenai punca kemalangan melibatkan dua tren Transit Aliran Ringan (LRT) berhampiran stesen Kampung Baru malam 25 Mei lalu.

Menerusi ciapan di laman Twitternya, Annuar turut mengarahkan supaya meneliti jika terdapat kecuaian terutama membabitkan menara kawalan.

"Public safety mesti sentiasa diutamakan. Semoga rawatan segera dan terbaik diberikan kepada yang cedera. Terima

kasih pada pasukan pembantu," katanya.

Seramai 64 daripada 213 penumpang yang terlibat dalam insiden pelanggaran dua tren Transit Aliran Ringan (LRT) berhampiran stesen Kampung Baru, dibawa ke Hospital Kuala Lumpur (HKL), pada Isnin.

Menurut Annuar sejumlah enam mangsa mengalami kecederaan parah dengan tiga daripadanya diberikan alat bantuan pernafasan.

Sementara 15 lagi mangsa mengalami kecederaan separa parah manakala 43 lagi tidak

kritikal.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kecemasan HKL yang bertungku-lumus merawat mangsa yang cedera.

Terdahulu, dua buah tren LRT terbabit kemalangan berhampiran stesen Kampung Baru dengan salah satu yang terlibat membawa 213 penumpang.

Tren berkenaan dalam perjalanan dari Gombak, dilaporkan bertembung dengan tren dari arah Kelana Jaya yang dipercayai mengalami masalah teknikal. **WK**

YWP hulur sumbangan kepada mangsa insiden LRT

PRIHATIN dengan trauma yang dialami mangsa insiden pertembungan dua tren LRT malam tadi, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) telah menghulurkan sumbangan kepada mangsa yang terlibat.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, pihaknya bersedia untuk memberikan apa jua bantuan terutama apabila berlaku sesuatu musibah.

"Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin telah memberikan arahan supaya semua yang terlibat diberikan bantuan yang terbaik serta apa yang diperlukan mangsa.

"Kita akan tengok apa yang sesuai dan sedia beri bantuan sepenuhnya," katanya dalam sidang media selepas melawat mangsa di Hospital Kuala

Lumpur (HKL) hari ini.

Hadir sama, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, Pengarah HKL, Datuk Dr Heric Corray dan Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun.

Dalam pada itu, Annuar turut menzahirkan kegembiraan apabila sebahagian besar mangsa telah diberi pulang setelah menerima rawatan di HKL.

"Kita gembira daripada jumlah yang dilaporkan semalam, jumlahnya agak membimbang.

"Tapi hari ini berita gembira kerana sebahagian besar telah discaj malam tadi dan hanya tinggal enam orang yang masih dirawat.

"Saya percaya mereka berada di bawah pengawasan dan diberi rawatan yang terbaik," katanya. **WK**



MENTERI Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, ditemani Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, melawat salah seorang mangsa Kemalangan LRT yang di tempatkan di wad Kecemasan Hospital Kuala Lumpur (HKL) petang Selasa.

Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Wangsa Maju: Estet getah ke ‘bandar hijau’

PEMILIHAN Wangsa Maju sebagai ‘bandar hijau’ di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) pasti membanggakan penduduknya kerana Wangsa Maju diberi penghormatan menjadi pelopor projek ini berbanding kawasan lain di ibu negara.

Dengan pelaksanaan projek bandar berteknologi hijau ini, Wangsa Maju yang mempunyai 10 seksyen, dari 1 hingga 10, akan menjadi perintis projek teknologi hijau di Kuala Lumpur khasnya di Malaysia amnya.

Ini merupakan usaha Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mewujudkan persekitaran hijau dan segar dalam usaha menangani perubahan iklim.

Malah Wangsa Maju juga akan menjadi perintis bandar rendah karbon pertama di Malaysia. Projek dijangka dilaksanakan di Seksyen 1.

Adi difahamkan, Wangsa Maju dipilih kerana ia merupakan salah satu kawasan perbandaran terbesar dan terancang dengan baik di Kuala Lumpur, dengan pelbagai pusat pertumbuhan baharu.

Pelbagai kemudahan sosioekonomi terdapat di Wangsa Maju, seperti pusat perniagaan, bank, pusat pengangkutan dan pelbagai kemudahan sosio-ekonomi lain.

‘Bandar hijau’ akan mengubah gaya kehidupan penduduk Wangsa Maju, yang bersempadan dengan Hulu Kelang dan Gombak, Selangor.

Tentu sahaja projek perintis ini sangat penting kerana ia bakal menjadi penanda aras kepada pelaksanaan projek seumpamanya di tempat lain apabila ia dikembangkan ke seluruh negara.

Yang pasti, kejayaan projek ini di Wangsa Maju juga bakal menjadikan penduduknya sebagai pelopor merasai kehidupan lebih mesra alam, dalam persekitaran hijau serta kadar pelepasan karbon yang rendah. Pendek kata, kehidupan yang lebih sihat dan nyaman.

Suatu ketika dahulu Wangsa Maju memang dikelilingi persekitaran hijau, terutama pada peringkat awal pembangunannya.

Tetapi proses pembangunan bekas estet getah ini menyaksikan banyak kawasan hijau dikorbankan untuk memberi laluan kepada pembangunan.

Justeru pelaksanaan ‘bandar hijau’ mampu mengembalikan ‘suasana hijau’ ke Wangsa Maju.

Pihak DBKL sedang berusaha gigih menjadikan Kuala Lumpur kota tanpa karbon, terutama sejak lima



KERATAN Wilayahku Edisi 115.

tahun kebelakangan ini.

Memetik Datuk Bandar, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, sejak Pelan Induk Masyarakat Karbon Rendah Kuala Lumpur dilancarkan empat tahun lalu, kadar pelepasan karbon di bandar berjaya dikurangkan sebanyak 54 peratus.

Usaha ini akan dipertingkatkan dengan matlamat mencapai tahap pengurangan sehingga 70 peratus menjelang tahun 2030.

Kerana itu Adi berharap dan percaya pelancaran bandar hijau di Wangsa Maju akan membantu mempercepatkan pencapaian matlamat ini. Pengurangan pelepasan karbon pastinya akan mewujudkan persekitaran yang lebih sihat.

Antara yang termasuk dalam konsep bandar hijau di Wangsa Maju ialah pembinaan taman dan kawasan rekreasi, serta menukar tempat kosong menjadi kawasan berlandskap atau ladang berkoncepcian pertanian bandar.

Inilah ciri-ciri penting untuk mewujudkan kawasan hijau dan pada masa sama mengangkat

kesihatan penduduk melalui pelbagai kemudahan rekreasi.

Pertanian bandar pula bukan sahaja menghijaukan persekitaran, malah boleh memberi pulangan kepada yang mengusahakannya.

Di samping itu satu lagi ciri penting bandar hijau ialah peralihan ke arah penggunaan tenaga solar yang akan diberi keutamaan.

Ini bertujuan mengurangkan penggunaan elektrik dan pada masa sama meningkatkan kesedaran teknologi hijau di kalangan warga Wangsa Maju.

Pemasangan telah pun dirancang di beberapa bangunan, meliputi sekolah, bangunan perniagaan dan kediaman.

Kesemua ini akan membolehkan bangunan berkenaan mengalami penurunan pelepasan gas rumah hijau dengan persekitaran lebih sejuk dan udara lebih bersih.

Sesungguhnya bandar hijau sangat penting dalam mengimbangi pembangunan pencakar langit dan hutan batu

“ Yang pasti, kejayaan projek ini di Wangsa Maju juga bakal menjadikan penduduknya sebagai pelopor merasai kehidupan lebih mesra alam, dalam persekitaran hijau serta kadar pelepasan karbon yang rendah. Pendek kata, kehidupan yang lebih sihat dan nyaman.

di Kuala Lumpur.

Dalam kepesatan pembangunan, kesegaran kawasan hijau diperlukan bagi mengimbangi pemanasan global.

Memandangkan istimewanya Wangsa Maju dipilih sebagai perintis projek bandar hijau, Adi rasa tidak lengkap jika tidak diimbau sejarah Wangsa Maju yang dicetuskan penubuhannya oleh Mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, dan dirasmikan pembukaannya pada Februari 1984.

Ketika peringkat awal Wangsa Maju hendak dibangunkan sebagai sebuah perbandaran di Kuala Lumpur, ramai tidak optimis ia akan berkembang menjadi sebuah kawasan maju seperti hari ini.

Malah Adi difahamkan, ketika itu tawaran jualan rumah di situ juga kurang mendapat sambutan.

Ramai menganggap estet getah tersebut sebagai tempat sunyi dan jin bertendang. Jalan utama dari Setapak hanya jalan dua lorong mengarah ke Hulu Kelang.

Tapak Wangsa Maju dahulunya ialah ladang getah Setapak dari tahun 1900-an sehingga 1984.

Penubuhannya pada Februari 1984 oleh Tun Mahathir adalah bersempena penubuhan Wilayah Persekutuan ke-10.

Wangsa Maju yang merupakan singkatan kepada nama ‘Bandar Baru Titiwangsa Maju’ merupakan projek pembangunan bandar baharu secara usahasama, dilaksanakan oleh DBKL dan Paremba Berhad. Ia adalah sejarah dengan konsep persyarikatan Malaysia.

Pembangunan pesat yang berjalan di Wangsa Maju menjadikannya tumbuh dengan rancak. Bukan lagi estet getah yang sunyi tetapi sentiasa hidup dengan pebagai kegiatan.

Mereka yang tidak berminat tinggal atau membeli rumah di Wangsa Maju kini mungkin menyesal. Tentunya nilai harta tanah kini sudah berganda-ganda tingginya dibandingkan tahun 1984.

Dengan kedudukannya sekarang, Wangsa Maju menjadi salah satu

perbandaran terbesar di Kuala Lumpur selain Bandar Tun Razak dan Bandar Tasik Selatan di Cheras. Kini Wangsa Maju menjadi lokasi perintis bandar hijau pula.

Sejak dengan pembangunannya, Wangsa Maju menjadi perbandaran strategik dengan pelbagai akses terbuka luas.

Ia dihubungkan dengan Jalan Persekutuan Utama iaitu Jalan Genting Klang yang menghubungkan pusat bandar Kuala Lumpur dengan Wangsa Maju dan Setapak.

Seterusnya boleh melalui Gombak untuk ke Genting Sempah, selain dihubungkan dengan Lebuh Raya DUKE.

Kemudahan transit aliran ringan (LRT) juga disediakan. Terdapat dua stesen LRT RapidKL sebagai pengangkutan utama penduduk Wangsa Maju ke pusat bandar raya Kuala Lumpur atau sebaliknya, iaitu stesen LRT Wangsa Maju dan Sri Rampai. Selain itu terdapat juga perkhidmatan bas Rapid KL.

Dengan kedudukan strategik Wangsa Maju dan kepesatan pembangunan di perbandaran itu, bagi Adi memang sesuai sekali projek perintis bandar hijau dilaksanakan di situ.

Wangsa Maju telah menyerahkan kejayaannya melakukan transformasi daripada estet getah kepada perbandaran serba maju.

Justeru bandar hijau bukan sahaja mampu mengimbangi pembangunan di perbandaran itu tetapi peluang untuk Wangsa Maju membuktikan sebagai bandar hijau contoh terbaik di negara ini.

- Adi Tuah

Adi Tuah

SKETSA



SAJAK



SAHABAT DARI KOTA

Kepada sahabat dari kota adakah dikau bisa melihat kesungguhan para petani menuai gigih di benda kendiri ataupun yang bisa dikau menata adalah pengorek hidraulik bandar yang cuba memamah tanah sekurur!

Bertandanglah ke kampungku pasti ju bertambah erti kealaman mencari malam yang lebih gelita siang yang lebih tenang bersinar akan dikau mencintainya!

Universiti Teknologi Malaysia
9 Mei 2021

Edar 120 pek juadah makan tengah hari

YWP prihatin petugas barisan hadapan

AINI MAWAWI

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) sentiasa memandang tinggi pengorbanan petugas barisan hadapan yang bertungkus lumus berkorban masa dan tenaga demi membantu keselamatan dan nyawa rakyat sejak penularan wabak COVID-19, lebih setahun lalu.

Bagi menghargai sumbangan besar mereka, YWP berbesar hati menyumbang juadah makanan tengah hari kepada 120 orang petugas barisan hadapan di Pusat Pemberian Vaksin Stadium Tertutup Titiwangsa baru-baru ini.

Sekurang-kurangnya dengan sumbangan tersebut dapatlah memberi sedikit kegemiraan kepada mereka yang terpaksa mengorbankan masa bersama keluarga khususnya ketika sambutan perayaan besar seperti Aidilfitri, Tahun Baru Cina,



**YAYASAN
WILAYAH PERSEKUTUAN**

Deepavali dan Hari Natal.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, YWP faham dengan tekanan mental yang dihadapi petugas barisan hadapan apabila berhadapan dengan rakyat yang mempunyai pelbagai persoalan.

"Banyak soalan yang diajukan kepada mereka oleh masyarakat dan kadang-kadang mereka sendiri tidak dapat menjawabnya kerana ia di luar skop kerja atau kemampuan mereka.

"Namun kerana sikap prihatin yang ada, mereka tetap setia mendengar segala rintihan lebih-lebih lagi apabila berhadapan dengan pesakit. Ia tidak lain bukan hanyalah untuk memastikan pesakit dalam keadaan tenang dan lega,"



ZAIZALNIZAM (tengah) bertanya khabar petugas barisan hadapan.

ujar beliau.

Tambah beliau lagi, sumbangan tersebut juga merupakan salah satu sokongan moral kepada para petugas yang tidak pernah jemu untuk ber-

sama-sama rakyat dalam menangani penyebaran virus COVID-19.

Terdahulu, Zaizalnizam hadir sebagai wakil kepada Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri



ADUAN

PERTIWI

WhatsApp
: 013-680 6666
: 013-688 7777

DBKL

Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8000 8000
Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852



Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

TPr Annuar Musa merangkap Pengerusi YWP menyampaikan sumbangan kepada petugas barisan hadapan. **WK**

Limpahan cahaya motif bendera Palestin, Malaysia sinari KLCC

NAZWIN NAZRI

TIDAK terkecuali menzahirkan sokongan dan solidariti kepada rakyat Palestin yang menjadi mangsa perperangan rejim Zionis, Menara Berkembar Petronas (KLCC) juga 'menukar wajahnya' menerusi limpahan cahaya bermotifkan bendera negara berkeraan.

Menariknya, 'kembar' bendera itu adalah limpahan cahaya bermotifkan Jalur Gemilang yang turut menghiasi salah satu menara ikonik tersebut.

Ia seolah-olah membawa mak-sud 'Malaysia berdiri teguh bersama Palestin'.

Disini limpahan cahaya dari bahagian bawah sehingga puncak menaranya, KLCC memukau pandangan setiap pengunjungnya.

Malah sejak gambar yang dirakamkan pemilik akaun *Instagram*, **Khairul Azham** tular di media sosial, warganet mula berkongsi dan menzahirkan rasa syukur kerana Malaysia terus bersama Palestin walaupun gencatan senjata telah dipersetujui antara Hamas dan Israel.

Beliau yang juga seorang jurugambar profesional menyatakan rakyat Malaysia sentiasa bersama penduduk Palestin ketika berkongsi gambar tersebut.

Bagi salah seorang pemilik akaun *Twitter*, **Hafiz**, ilustrasi bendera itu dilihat sebagai gambaran pemimpin Malaysia dan Palestin berjabat tangan.

"Rupanya menara KLCC adalah gambaran sisi pemimpin Malaysia dan pemimpin Palestin berjabat

tangan. Allahu ternyata itulah tujuan Tun Mahathir menterjemahkan solidaritinya terhadap Palestin," ciapnya.

Rata-rata pelayar *Facebook* pula menzahirkan ucapan *Alhamdulillah* seiring perkongsian gambar berkenaan.

Mohammad Robel memuat naik perkongsian sambil menyatakan Malaysia berdiri bersama Palestin.

Siti Alawiah juga berkongsi gambar yang sama sambil menyatakan solidariti dari menara KLCC dan syabas.

Sementara itu, **Rushan Yusof** memuji pemandangan berkenaan yang kelihatan cantik.

"Cantik, indah menara KLCC dengan adanya bendera Malaysia dan Palestin," katanya. **WK**



ILUSTRASI bendera menggunakan cahaya lampu di menara KLCC mendapat perhatian masyarakat termasuk negara luar. FOTO: IG @_khairulazham_

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA DALAM E-PAPER

MEDIA WARGA KOTA
Wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN (E-PAPER)

FULL PAGE		26cm X 33cm	RM500
HALF PAGE		26cm X 17cm	RM300
QUARTER PAGE		12cm X 17cm	RM200
PANEL PAGE [INNER]		26cm X 6cm	RM200

KADAR HARGA IKLAN (PORTAL ONLINE)

Wilayah Ku	FRONT BANNER 1080px X 96px RM2,500
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px RM2,000
	HALF PAGE 350px X 500px RM1,000
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px RM1,500



DITERBITKAN 2 KALI SEMINGGU

MENCAPAI 200,000 PEMBACA SETIAP EDISI

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:
012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)
Pengurus Pengiklanan
011-1069 2962 (ZUHAIRI)
Eksekutif Jualan dan Pemasaran
03-8861 5260 (PEJABAT)
Alamat:
Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.

WK niaga (tidak lebih 20 kata perkataan) **RM10**

Limpahan cahaya Palestin di Pintasan Saloma

BENDERA negara luar pertama dipancarkan di Pintasan Saloma sebagai simbolik sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin.



Foto: SUMBER PKB

AMIN FARID HASAN

LIMPAHAN cahaya berwarna-warni yang terhasil di Pintasan Saloma merupakan sebahagian tanda solidariti terhadap perjuangan rakyat Palestin di dalam menentang kekejaman dilakukan rejim Zionis.

Penerapan cahaya hijau, merah serta putih yang dilakukan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) itu adalah berdasarkan warna tema bendera Palestin sebagai menzahirkan sokongan perjuangan warganegara Palestin.

Kempen pencahayaan warna bendera Palestin di Pintasan Saloma ini akan berlangsung seminggu mulai 22 hingga 28 Mei dari 7 malam hingga 12 malam.

Menurut PKB, Pintasan Saloma dipilih menjadi lokasi kempen berdasarkan kedudukannya sebagai tempat 'Ikonik Pelancongan Baharu' dengan tarikan landmark pencahayaan yang mempersonakan, malah ia boleh dijadikan sebagai sebuah *platform* bagi mengekspresikan sokongan terhadap sebuah perjuangan. **WK**



BEBERAPA sudut pandang limpah cahaya simbolik menunjukkan sokongan Malaysia terhadap perjuangan Palestin.

Solidariti Putrajaya untuk Palestin



Foto: HAFIZD NASRUDDIN PPj
AINI MAWAWI

SELURUH dunia mengcam kekejaman rejim Zionis terhadap Palestin. Tindakan Israel yang sama sekali tidak berperikemanusiaan itu sekali gus mencabuli hak rakyat negara Islam tersebut.

Bumi Palestin diserang bertubi-tubi sehingga menyaksikan nyawa-nyawa yang tidak berdosa menjadi korban kezaliman termasuklah kanak-kanak yang turut menerima nasib sama.

Prihatin dengan isu yang sedang melanda dunia tersebut, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya tidak melepaskan peluang menunjukkan tanda solidariti dengan limpahan cahaya indah bertemakan empat warna bendera Palestin.

Di Jambatan Seri Saujana misalnya, warga Putrajaya dapat menyaksikan keindahan lampu

berwarna hijau, merah, hitam dan putih yang cukup indah menghubungkan laluan Presint 4 dan Presint 7 melalui Lebuh Sentosa.

Selain itu, Air Pancut Putrajaya juga turut diserikan dengan panorama memukau yang turut menceriakan kawasan sekitar Jambatan Putra dan Dataran Putra.

Tinjauan Wilayahku mendapati warga Putrajaya melahirkan rasa bangga kerana wilayah tersebut cakna dengan isu yang sedang hangat dibicarkan dunia saat ini.

Menurut seorang penduduk yang dikenali sebagai **Haslinda Saharudin**, 36, inisiatif menarik Perbadanan Putrajaya (PPj) membuatkan ramai yang teruja berkongsi keindahan tersebut di laman sosial.

"Jika kita tidak mampu membantu dari segi lain, usaha seperti ini juga tidak kurang hebatnya. Ia merupakan tanda sokongan terhadap rakyat Palestin," ujarnya.

Sementara itu, menurut **Norsuziana Sharip**, 35, pula,

solidariti tersebut dapat meningkatkan kesedaran rakyat terhadap kejadian yang dilakukan tentera Israel terhadap Palestin.

"Kita patut bangga kerana berada dalam negara yang aman dan damai. Tiada sekat untuk kita terus beibadat dan sebagainya tidak seperti di negara Islam tersebut," ujarnya kepada Wilayahku.

Terdahulu, beberapa mercu tanda utama di negara ini turut dilatari dengan cahaya warna bendera Palestin. Antaranya Menara Berkembar Petronas, Menara Kuala Lumpur, Menara Alor Setar di Kedah dan Menara Komtar di Pulau Pinang. **WK**



JAMBATAN Seri Saujana dihiasi cahaya bertemakan bendera Palestin.



PANORAMA indah lampu berwarna-warni menghidupkan suasana malam di Putrajaya.

GL@W bakal jadi tarikan pelancong ke Putrajaya

TREND aktiviti pelancongan terkini, glamping bakal mewarnai Putrajaya sebagai Bandar Rekreasi yang unggul dengan pelbagai aktiviti serta tarikan pelancongan yang baharu, inovatif serta menarik.

Dirancangkan secara bersepadu, Glamping @Wetland Putrajaya atau GL@W ini menawarkan perkhidmatan menginap dalam khemah tanpa mengeneppi kan aspek-aspek keselesaan dan keselamatan.

Tiada lagi aktiviti perkhemahan dengan suasana tipikal

sebaliknya ia hadir dalam pakej yang santai serta lengkap dengan permaidani, kipas atau penyaman udara, tilam yang selesa, buaian dan sebagainya.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain**, produk

yang sedang dalam pelaksanaan ini bersedia untuk menerima tempahan pengguna yang terawal pada suku ketiga iaitu pada bulan

September 2021. "Ia bakal menawarkan pelbagai kemudahan dan aktiviti rekreasi kepada semua peringkat umur antaranya kolam memancing, taman permainan kanak-kanak, zoo haiwan jinak, Wetland Ninja, aktiviti kenderaan lasak (ATV), berbasikal dan sebagainya.

"Di samping itu, GL@W turut menawarkan pengalaman bermain lumpur buat

anak-anak bandar yang tidak pernah merasainya sekali gus mengimbau kembali zaman kanak-kanak pengunjung yang pernah dilakukan satu ketika dahulu," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, lokasi yang strategik serta fasiliti kemudahsampaian yang baik turut memberi peluang kepada pelancong untuk mengunjungi Taman Botani yang terletak kira-kira 3.5 kilometer dari kawasan GL@W.

"Bagi yang meminati aktiviti air pula, bolehlah berkayak atau menyewa bot di Pusat Rekreasi Air. Sementara itu, pada sebelah malam pula, pelancong boleh menaiki kereta api malam yang menawarkan pengalaman berbeza dengan bersiar-siar dalam kawasan Wetland sambil menikmati bunyian unggas dan



TREK ATV sedang dalam persediaan.

haiwan malam yang aktif.

"Jika bernasib baik, pengunjung boleh terserempak dengan burung hantu. Sementara yang sukakan filem atau drama pula, bolehlah menonton wayang pacak," ujar beliau lagi.

Kata Muhammad Azmi, projek GL@W dibangunkan dalam dua fasa. Fasa pertama (*quick win*) dengan sasaran penyiapan selama enam bulan yang memberi tumpuan kepada keperluan asas penyediaan tapak

glamping, perolehan khemah, penyediaan kolam serta pelepasan ikan untuk memancing dan sebagainya.

"Fasa sederhana yang akan dilaksanakan dalam tahun 2022 dan 2023 pula, selain menyiapkan kelengkapan zoo haiwan jinak, ia juga akan memberi tumpuan kepada tambahan infrastruktur bagi kawasan khemah, kawasan kara van, struktur *flying fox* merentasi sel Wetland dan rumah pokok," ujar beliau. **WK**



KERJA-KERJA penyediaan kolam ikan sedang giat dijalankan saat ini.

Resipi laksa viral



SABRINA SABRE

MEDIA sosial kini hangat memperkatakan ‘perang’ antara laksa Johor dan laksa Kedah, dengan masing-masing berkongsi resipi makanan itu.

Begitu hebat penangan laksa dari dua negeri sehingga carian ‘laksa’ di Facebook akan memaparkan ‘laksa gaduh viral’ sebagai carian paling popular.

Perang laksa tidak berhenti di situ,

apabila ada pula warganet dari negeri lain turut berkongsi gambar-gambar dan video mengenai kehebatan laksa negeri masing-masing seperti laksa Sarawak, laksam Kelantan dan banyak lagi.

Ibu laksa yang tular turut mendapat perhatian Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah yang meminta semua pihak tidak berkelahi antara satu sama lain hanya disebabkan berlainan pendapat berhubung masakan dari negeri masing-masing.

Berikut merupakan resipi istimewa laksa dari tiga negeri, kalau nak tahu apa bezanya, kenalah cuba! **W.K**



Laksa Utara (Laksa Kedah)

BAHAN-BAHAN

1 bungkus laksa beras
1 kg ikan kembung
1 sudu besar belacan
2 kuntum bunga kantan dibelah 4
1 ikat daun kesum
4 keping asam keping
Gula dan garam secukup rasa
10-15 tangkai cili kering rebus serta dikisar halus
50 gram ikan bilis, rendam seketika, dikisar halus
2 biji bawang besar dikisar halus
8 biji bawang merah dikisar halus
6 ulas bawang putih dikisar halus

BAHAN HIASAN

5 biji telur direbus
2 biji bawang besar dihiris nipis

1 batang timun dihiris nipis
Limau nipis dipotong
1 ikat daun selom
Cili padi dihiris nipis

CARA PENYEDIAAN

- Rendam laksa kering dan kemudian rebus sehingga lembut. Angkat dan toskan.
- Rebus ikan yang telah dibersihkan bersama 1 asam keping dan sedikit bawang merah. Setelah masak, asingkan isi ikan dan air rebusan. Kisar halus. Kemudian kisar baki tulang ikan bersama sedikit air dan tapis airnya. Masukkan di dalam periuk dan rebus bersama bahan kisar halus selama lebih kurang 20 minit.
- Masukkan bunga kantan, daun kesum, asam keping, belacan, garam dan gula secukup rasa. Rebus lagi sehingga rasa bahan benar-benar sebat.
- Hidangkan laksa bersama kuah dan bahan hiasan.



Laksa Johor

BAHAN-BAHAN

1 kg ikan parang atau sardin (boleh campur), rebus dan asingkan isi. Simpan air rebusan.
Santan
2 sudu besar rempah kari daging
Minyak masak
1 batang serai, dititik
3 sudu besar kerisik
1 ikat daun kesum
1 kuntum bunga kantan, belah 4
5 helai daun pudina, hiris nipis (jika suka)
2-3 kepingan asam keping
Gula melaka
Garam

BAHAN-BAHAN KISAR HALUS (A)

1 1/2 inci kunyit hidup
2 inci lengkuas
2 inci halia
15- 20 tangkai cili kering, buang biji dan rendam air panas
8-10 biji bawang merah
5 ulas bawang putih
4 batang serai dihiris nipis
1 sudu besar belacan bakar
1 1/2 sudu besar udang kering rendam sampai lembut

BAHAN-BAHAN KISAR HALUS (B)

Isi udang, anggaran semangkuk kecil
100 g isi ikan kurau masin, rendam sampai lembut
Isi ikan rebus (dari bahan atas)

BAHAN-BAHAN SPAGHETTI

1 paket spaghetti
1 sudu besar garam

BAHAN-BAHAN HIASAN/ULAMAN

Timun dihiris nipis
Tauge, buang ekor
Daun kesum dihiris nipis
Kacang panjang dihiris dadu

Bawang besar dihiris nipis
Limau kasturi
Lobak masin, celur dan rincik halus
Bunga kantan dihiris nipis
Daun selasih dihiris nipis

BAHAN-BAHAN SAMBAL BELACAN

6-8 biji cili merah
10-15 biji cili padi
2 ulas bawang putih
Belacan bakar sebesar ibu jari
Air perahan jus limau kasturi
Garam dan gula secukup rasa

CARA PENYEDIAAN SPAGHETTI

- Panaskan air sehingga mendidih. Masukkan garam dan spaghetti kering. Rebus mengikut arahan di paket.
- Toskan dan gaul dengan sedikit minyak supaya tidak melekat.

KUAH LAKSA

- Panaskan minyak masak dan tumis bahan kisar halus A sampai naik bau.
- Masukkan serai yang dititik dan serbuk kari. Teruskan kacau di atas api perlakan sehingga pecah minyak dan garing.
- Masukkan pula bahan kisar halus B, bersama air rebusan ikan. Masak sehingga kuah mendidih.
- Masukkan santan, kerisik, daun kesum, bunga kantan, daun pudina, asam keping, gula melaka dan garam secukup rasa.
- Renehkan kuah di atas api perlakan sehingga mencapai tahap kepekatan yang sesuai.
- Hidangkan bersama spaghetti, bahan-bahan ulaman dan sambal belacan.

SAMBAL BELACAN

- Kisar cili merah, cili padi, bawang putih dan belacan. Tidak perlu letak air dan jangan kisar terlalu halus.
- Perah jus limau kasturi dan perasakan dengan garam dan gula secukupnya. Siap untuk dihidang.



Laksa Pahang

BAHAN-BAHAN

500 gram ikan tenggiri
50 gram ikan tenggiri jeruk
250 gram bawang merah
80 gram bawang putih
40 gram halia
100 gram lada kering
4 batang serai
2 sudu makan biji ketumbar
1/2 sudu makan jintan putih
1/2 sudu makan jintan manis
100 gram kelapa parut dibuat kerisik
3-4 cawan santan pekat
1 cawan air rebusan ikan
Laksa beras atau laksa gandum

BAHAN HIASAN

Kacang panjang
Daun kesum
Daun selasih
Timun diparut halus
Tauge dibuang ekor tetapi tidak dicelur
Bawang besar dibelah dua dan dihiris nipis
Limau kasturi dibelah dua dan dibuang biji
Telur masin direbus, dibuang kulit dan dibelah empat
Sebuku belacan dibakar sedikit
Lada kering dilembutkan dan dikisar halus
Garam

CARA PENYEDIAAN

- Ketumbar, jintan putih dan jintan manis digoreng berasingan tanpa minyak sehingga naik bau.
- Kisar kerisik, bahan-bahan yang digoreng tanpa minyak dan rempah-rempah bersama 1 1/2 cawan santan.
- Ikan-ikan yang direbus dibuang kulit dan tulangnya. Kisar isi ikan bersama setengah cawan santan.
- Masak kesemua bahan yang dikisar awal tadi bersama santan yang berlebihan dan air rebusan ikan. Masukkan ikan-ikan yang baru dikisar dan kacau. Reneh di atas api kecil sehingga kuah menjadi pekat dan pecah minyak.
- Laksa dihidang dengan ulam-ulam dan sambal bersama kuah.



SOALAN

ASSALAMUALAIKUM. Saya ingin bertanya, adakah lelaki mukallaf yang tidak hadir solat Jumaat sebanyak tiga kali berturut-turut kerana mematuhi prosedur operasi standard (SOP), wajib untuk bertaubat dengan mendirikan solat sunat taubat? Terima kasih.

HURAIAN JAWAPAN

Dalam menjawab persoalan di atas, secara asasnya Allah SWT telah menetapkan kewajipan solat Jumaat ini di dalam al-Quran. Firman Allah SWT:

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya)."

(Surah al-Jumu'ah: 9)

Di samping itu, Rasulullah SAW juga memberi ancaman kepada orang yang meninggalkan solat Jumaat secara sengaja dan mengambil mudah tentang kewajipannya. Rasulullah SAW bersabda:

"Sesiapa yang meninggalkan tiga kali solat jumaat kerana mengambil ringan akannya, nescaya Allah SWT akan mengunci mati hatinya."

Riwayat Abu Daud (1052) dan al-Nasa'ie (1369)

Sementara dalam hadis yang diriwayatkan oleh Muslim dan al-Nasa'ie, Rasulullah SAW bersabda:

"Hendaklah sesuatu kaum itu menghentikan perbuatan mereka meninggalkan solat Jumaat. Jika tidak, nescaya Allah akan menutup hati-hati mereka. Justeru, mereka akan tergolong dalam kalangan orang yang laik."

Riwayat Muslim (865) dan al-Nasa'ie (1370)

Hadis-hadis di atas menunjukkan bahawa ancaman tersebut ditujukan kepada mereka yang meninggalkan solat Jumaat tanpa sebarang keuzuran yang dibenarkan oleh syarak.

Sekiranya seseorang itu meninggalkan kewajipan ini sebanyak tiga kali berturut-turut disebabkan keuzuran

Adakah wajib bertaubat jika terpaksa tinggal solat Jumaat

yang dibenarkan syarak, maka dia dianggap terlepas daripada ancaman ini.

Oleh yang demikian, sekiranya seseorang itu terpaksa meninggalkan solat Jumaat kerana khawatir menularnya wabak COVID-19 ataupun ketetapan SOP pihak kerajaan, maka dia dikira sebagai tidak berdosa. Kewajipan untuk bertaubat adalah kepada mereka yang sengaja melakukan dosa, sama ada melakukan maksiat ataupun meninggalkan kewajipan.

Imam al-Nawawi telah menjelaskan dalam kitab Riyad al-Salihih bahawa:

"Wajib bertaubat ke atas dosa-dosa. Jika seseorang itu bertaubat hanya ke atas sebahagian sahaja daripada dosa-dosanya, maka sah taubat tersebut di sisi para ulama". Oleh itu, masih berbaki lagi dosa-dosa yang belum dia bertaubat. Terdapat banyak dalil daripada al-Quran, Sunnah dan ijma' ulama berkaitan kewajipan bertaubat."

(Rujuk Riyad al-Salihih Min Kalam Sayyid al-Mursalin: 17)

Justeru, tidak wajib ke atasnya untuk bertaubat dan menuaikan solat taubat kerana ia bukanlah satu dosa yang memerlukan kepada taubat.

Namun begitu, digalakkkan juga ke atas mereka untuk memperbaikkan istighfar. Rasulullah SAW sendiri beristighfar sebanyak seratus kali dalam sehari walaupun Baginda merupakan seorang yang maksum. Sabda Nabi SAW:

"Wahai sekalian manusia, bertaubatlah kalian kepada Allah SWT. Sesungguhnya aku beristighfar kepada Allah SWT sebanyak seratus kali dalam sehari."

Riwayat Muslim (2702)

Walau bagaimanapun, seorang lelaki yang mukallaf itu mestilah tetap berusaha dengan sebaiknya untuk mendapatkan tempat jika dibenarkan solat Jumaat dengan kuota dan SOP tertentu.

Antara usaha yang perlu dilakukan adalah seperti mengisi borang (Google Form) yang disediakan dan hadir lebih awal ke masjid.

Berdasarkan kepada maksud



WALAUPUN kebenaran untuk mendirikan solat jumaat di masjid terhad, Umat Islam dinasihatkan tetap berusaha untuk menjadi insan terpilih bagi menuaikan kewajipan tersebut.

hadis yang dinyatakan sebelum ini, ia jelas memberikan gambaran bahawa golongan lelaki yang mukallaf tidak boleh mengambil ringan tentang kewajipan solat Jumaat.

Imam Badruddin al-Aini menjelaskan maksud lafadz (mengambil ringan):

"(Maksud) sabda Rasulullah SAW "mengambil ringan terhadapnya (kewajipan solat Jumaat)" ialah meninggalkannya kerana bermalas-malasan dan bersikap tidak peduli terhadapnya."

(Rujuk Syarah Sunan Abi Daud, 4:372)

Manakala Imam al-Suyuti kemudiannya pula menghuraikan:

"Apakah yang nyata bahawa maksud mengambil ringan ialah bermalas-malasan dan tidak bersungguh-sungguh dalam melaksanakannya, bukan maksud menghina dan memandang remeh (kewajipannya) kerana perkara tersebut adalah satu kekufturan."

(Rujuk Syarah Sunan Ibn Majah, 1:79)

Kesimpulannya, walaupun kebenaran untuk mendirikan solat Jumaat adalah amat terhad ketika ini, namun kita mestilah tetap berusaha untuk menjadi insan yang terpilih bagi

menuaikan kewajipan tersebut.

Pada masa yang sama, ia juga bagi mengelakkan daripada timbulnya sifat malas, lalai dan tidak mempedulikan kewajipan solat Jumaat.

Marilah kita mengambil iktibar dan pengajaran daripada kisah Imam al-Buwaithi, iaitu salah seorang anak murid kepada Imam al-Syafie.

Meskipun pada satu ketika beliau terpaksa berada di dalam penjara, namun pada setiap hari Jumaat beliau tetap akan mandi dan memakai pakaian yang terbaik.

Kemudian Imam al-Buwaithi ini akan pergi mengetuk pintu jerji penjara bagi menarik perhatian pengawal penjara.

Lalu pengawal itu bertanya, "Apakah yang tuan mahu?". Jawab beliau, "Aku mahu menyahut seruan Tuhan-ku (azan Jumaat)".

Begitulah pada setiap hari Jumaat, Imam al-Buwaithi melakukan hal yang sama sebagai menzahirkan usaha beliau untuk pergi mendirikan

solat Jumaat.
Wallahu a'lam.



KOTA DI WAKTU BEGINI

Waktu ini di kota ini ada sesetengah kami adalah bimbang kehidupan menjadi sangkar bunga yang berkembang terpaksa dibiarkan layu dalam pertanyaan.

Di kota di waktu ini ada yang diam tetapi riuh mereka melukis hujan penantian ditemani sejahtera yang masih panjang.

Kami adalah pengusaha kota warna-warna yang di tangan ada yang menetes telah kering dan beku bertimbun keliru.

Kota di waktu ini hanya tidur dan bangun untuk melihat nasib dan harapan, doa dan takdir perlahan-lahan mengalir.

SOLIHIN OSMAN
Dangau Seni.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Empat filem berkenaan wabak penyakit berjangkit



DIANA SYUHADA MOHD AMIR

MESKIPUN sudah lebih setahun pandemik COVID-19 menyerang dunia namun di Malaysia masih tidak menunjukkan tanda-tanda bahawa pandemik ini akan berakhir dengan segera. Perintah Kawalan Pergerakan

(PKP) masih lagi dikenakan bagi membendung merebaknya wabak ini yang memberi kesan kepada pergerakan orang ramai.

Bagi mengisi masa lapang anda, mari tonton empat filem pandemik yang menunjukkan bagaimana penularan wabak berlaku serta pengorbanan barisan hadapan dalam mengatasi krisis ini. **W**



#2 Virus

Pengarah: Aashiq Abu
Pelakon: Parvathy Thiruvothu, Revathy, Thomas, Kunchacko Boban

BERDASARKAN kejadian nyata, filem India ini berkisah tentang wabak virus Nipah yang terjadi di Kerala pada tahun 2018. Seorang lelaki bernama Zakariya dijangkiti dan dibawa ke Kolej Perubatan Kerajaan, Kozhikode, di mana dia menderita gejala virus yang tidak diketahui dan meninggal dunia setelah beberapa jam.

Geetha yang menjalani pemeriksaan CT Zakariya turut dijangkiti virus itu serta

seorang jururawat, Akhila yang merawatnya juga terjejas. Ketika jumlah kematian mulai meningkat, Dr Suresh mengesahkan virus tersebut adalah Nipah.

Filem ini memberi penghormatan kepada para saintis, profesional perubatan, kakitangan hospital sukarelawan serta orang-orang yang tampil untuk membantu pasukan mengatasi krisis.

Meskipun topiknya jauh dari hiburan yang biasa ditonton, "Virus" menyoroti betapa penting pekerjaan yang dilakukan doktor dan ahli epidemiologi dalam mengatasi krisis, dan filem ini akan membuat penonton berasa kagum serta lebih menghargai orang-orang yang bekerja di bidang tersebut.

#4 Cargo

Pengarah: Ben Howling, Yolanda Ramke
Pelakon: Martin Freeman, Simone Landers, Susie Porter

CARGO mengisahkan tanggungjawab ibu bapa dalam melindungi anak-anaknya dari sebarang kejadian yang tidak diingini.

Ketika dunia sedang dijangkiti virus rabies yang membuat orang berubah menjadi zombie dalam 48 jam, Andy, Kay dan bayi mereka Rosie hidup dengan selamat di perahu rumah (houseboat).

Akibat kekurangan bekalan makanan, Andy dan Kay keluar



#1 The Flu


Pengarah: Kim Sung Su
Pelakon: Jang Hyuk, Soo-Ae, Park Min-Ha

THE FLU atau 'Gangi' merupakan filem bencana Korea Selatan ditayangkan pada 2013, membawakan tentang penyebaran wabak selesema disebabkan oleh jangkitan virus H5N1 yang mampu membunuh pesakit dalam tempoh 36 jam berlaku di daerah Bundang, Seongnam dengan populasi hampir satu juta penduduk.

Bandar Bundang telah ditutup dan dikuarantin dalam usaha kerajaan mengekang penyebaran virus tersebut.

Anggota bomba Kang Ji-Koo merupakan salah seorang yang dikuarantin. Doktor Kim In-Hae adalah salah satu individu yang mengetahui mengenai wabak virus tersebut.

Wabak itu menjadi lebih peribadi apabila dia mengesyaki anak perempuannya sendiri dijangkiti virus itu. Kang Ji-Koo dan Dr Kim In-Hae



berganding bahu dalam melawan masa untuk mencari penawar.



#3 Deranged

Pengarah: Park Jung Woo
Pelakon: Kim Hyung-Min, Moon Jeong-Hee, Kim Dong-Wan

DERANGED merupakan filem perubatan pertama di Korea mengenai

wabak penyakit berjangkit yang ditayangkan pada 2012.

Jae-Hyuk adalah lelaki biasa berusia 40-an dan bekerja sebagai jurujual bekalan perubatan manakala adiknya, Jae-Pil seorang detektif.

Penemuan mayat yang terapung di dalam sungai dalam keadaan mengerikan di seluruh negara mencetuskan histeria.

Rakaman CCTV menunjukkan orang melompat ke air seolah-olah dirasuk dan lemas dengan sendirinya. Masa berlalu, beratus kes serupa dilaporkan menyebabkan para pegawai bingung mengenai punca sebenar kematian. Kerajaan mengisyartiharkan darurat nasional.

Sementara itu, Jae-Hyuk mengesyaki keluarganya menunjukkan simptom wabak tersebut dan menyebakkannya terdesak untuk mencari penawar.

Melalui adiknya, Detektif Jae-Pil, Jae-Hyuk mengetahui penawar mungkin disimpan di sebuah gudang.


untuk mencari bekalan makanan di kawasan sekitar namun Kay telah diserang oleh manusia yang dijangkiti virus rabies.

Sementara itu, seorang gadis Orang Asli, Thoomi berusaha melindungi ayahnya yang dijangkiti dengan memberi makan haiwan liar dan membuatnya dikurung.

Apabila Andy menyedari Kay telah digigit, dia cuba menghentikan pendarahan dan bergegas mencari hospital namun mengalami kemalangan akibat mengelak daripada seorang lelaki di tengah jalan yang menyebabkan Andy pengsan.

Sejurus tersedar, dia digigit oleh Kay dan menyedari dirinya telah dijangkiti, Andy terdesak untuk mencari penjaga yang baru buat anaknya dan sanggup

melakukan apa sahaja untuk melindunginya sebelum dia berubah menjadi zombie.



Selebriti tolak fahaman anti vaksin



DEEL ANJER

GOOLONGAN selebriti turut membidas segelintir pihak yang menyebarkan fahaman anti vaksin termasuk 'Mak Teh' yang rakaman suaranya tular di media sosial baru-baru ini.

Ini berikutnya, rakaman audio tersebut mendakwa vaksin yang ditawarkan kerajaan bukan sahaja berisiko tinggi malah menyebabkan

kematian.

Mak Teh juga mencadangkan mereka yang sudah menerima dua dos vaksin agar 'mencuci badan' dengan minum air kelapa untuk membersihkan 'racun' daripada vaksin berkenaan.

Bagi artis popular seperti Izzue Islam, Nadia Brian, Amaris dan Iman Suhana, penyebaran maklumat palsu yang tidak tanggungjawab seperti 'Mak Teh' itu akan menyebabkan masyarakat keliru serta enggan menerima vaksin sekali gus mendedahkan mereka dijangkiti COVID-19.

Jangan tertipu dengan mitos anti vaksin - Nadia Brian

PELAKON sensasi Nadia Brian, 29, beranggapan keraguan terhadap vaksin tidak sepatutnya wujud kerana Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri dan mufti di setiap negeri dengan jelas mengatakan hukum pengambilan vaksin adalah harus.

"Menteri pun sudah jelaskan tentang hukum vaksin, tetapi golongan anti vaksin masih berdegil dan enggan menerima suntikan vaksin."

"Lebih menyediakan apabila mereka mempengaruhi orang lain untuk menggagalkan usaha kerajaan dalam mengekang penularan pandemik COVID-19."

"Nasihat saya, janganlah tertipu dengan mitos yang dibawa oleh golongan anti vaksin sedangkan mereka tidak ada bukti kukuh tentang apa yang diperkatakan."

"Saya tahu, mitos yang disebarluaskan memang mempengaruhi masyarakat, namun berusahalah untuk mencari info tepat sebelum anda menyalah kerana tidak menerima suntikan vaksin," ujar pelakon drama bersiri *Aku Yang Kau Gelar Isteri*.



NADIA BRIAN

Izzue Islam harap anti vaksin henti menghasut

BAGI artis serba boleh Izzue Islam, 30, golongan anti vaksin tidak sepatutnya mempengaruhi orang lain dengan menyebarkan berita palsu tentang vaksin COVID-19.

"Kalau tak mahu percaya atau enggan terima vaksin, tidak mengapa. Itu hak mereka tetapi janganlah menghasut orang lain dengan memutarbelitkan fakta tanpa disokong dengan apa-apa bukti atau alasan kukuh."

"Ia tidak bagus kerana membuatkan orang ramai meragui tentang kepentingan vaksin," jelas pelakon drama berseri *Sabarlah Duhai Hati* siaran TV3.

Izzue juga mempersoalkan adakah golongan terlibat tidak ada rasa bersalah jika orang yang dihasut itu dijangkiti COVID-19 setelah enggan menerima vaksin.

Menyedari golongan anti vaksin bukan sahaja terdapat di Malaysia, tetapi juga di negara-negara lain, dia menyatakan masyarakat perlu bersama-sama menyebarkan kebaikan vaksin.

"Satu tugas berat kepada mana-mana kerajaan untuk meyakinkan pihak yang tidak mahu mempercayai vaksin," ujarnya lagi.



IZZUE ISLAM

Jangan dengar anasir negatif - Amaris

PELAKON filem *Ratu Kala Jengking*, Putra Amaris, 35, berharap masyarakat tidak mudah terpengaruh dengan fahaman golongan anti vaksin.

"Kalau kita tengok dari hari ke hari, kes COVID-19 semakin meningkat. Bayangkan, para petugas barisan hadapan sudah menggunakan tenaga secara maksima demi kebaikan semua."

"Kebanyakan hospital sudah penuh, tidak cukup untuk menampung jumlah pesakit COVID-19," tegasnya.

Justeru dia menyeru supaya rakyat Malaysia sentiasa cakna tentang maklumat benar berkaitan vaksin serta tidak sewenang-wenangnya terpengaruh dengan anasir-anasir negatif kerana pengambilan vaksin adalah untuk kebaikan semua.

Tambah Amaris, masyarakat seharusnya menghargai usaha kerajaan dan vaksin adalah antara langkah terbaik untuk melindungi diri serta orang sekeliling.

"Kepada yang belum menerima vaksin, daftarkanlah. Dalam masa sama, terus amalkan prosedur operasi standard (SOP) dengan memakai pelitup muka, jaga penjarakan fizikal, kerap membasuh tangan dengan sabun serta mengamalkan pengambilan suplemen seperti vitamin C," ujarnya.



PUTRA AMARIS

Sanggup ke gadai nyawa? - Iman Suhana

PELAKON drama bersiri *Sabarlah Duhai Hati*, Iman Suhana, 31, terkilan dengan sikap sesetengah individu yang seolah-olah menggadaikan nyawa sendiri hanya kerana tidak mempercayai vaksin.

"Rasanya semua pun tahu, antara langkah terbaik untuk mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 adalah dengan menerima vaksin yang disediakan kerajaan."

"Apabila wujudnya golongan anti vaksin, kepercayaan sesetengah pihak terhadap kepentingan vaksin mula diragui. Apa yang menjadi pertanyaan, sanggup ke gadai nyawa? Hanya kerana tidak mahu percayakan vaksin tanpa alasan kukuh."

"Saya bukan memaksa untuk orang lain percayakan vaksin, tetapi rajin-rajinlah dapatkan info tentang vaksin. *Insya-Allah*, anda akan temui jawapannya," ujar Iman Suhana.

W.K



IMAN SUHANA

16 motosikal diubah suai disita polis



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

POLIS Labuan menyita 16 buah motorsikal dan mengeluarkan sebanyak 55 saman atas pelbagai kesalahan semasa Operasi Samseng Jalan, baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Labuan Superintendant Ahmad Jawila berkata, pihaknya telah memeriksa 20 buah motorsikal ketika operasi itu dan telah menyita 16 buah motorsikal atas pelbagai kesalahan.

Katanya, antaranya kesalahan adalah pengubahsuaian ekzos, memasang aksesori yang tidak sempurna, tidak mempermaksa Lesen Kenderaan Motor (LKM), tiada lesen dan nombor pendaftaran tidak mengikut peraturan dan sebagainya.

"Kita turut menahan dua penunggang motosikal masing-masing atas kesalahan menunggang motosikal dalam keadaan membahaya iaitu melakukan aksi 'Wheelie' dan



AHMAD (kiri) memeriksa motosikal yang telah disita atas kesalahan pengubahsuaian.

seorang lagi atas kesalahan mempermaksa nombor pendaftaran yang tidak sah," katanya dalam sidang media, di perkarangan Ibu Pejabat Polis Labuan, baru-baru ini.

Jelas beliau, kedua-dua lelaki yang berumur 20 tahun itu ditahan untuk siasatan lanjut

mengikut Seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 kerana kelakuan aksi berbahaya.

Manakala kes kedua disiasat mengikut Seksyen 108 (3)(f) Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana mempermaksa nombor pendaftaran yang tidak sah.

Dalam pada itu, Ahmad ber-



16 buah motosikal yang telah disita oleh Polis Labuan dalam Ops Samseng Jalan.

kata pihaknya akan terus giat melaksanakan operasi sedemikian dari semasa ke semasa bagi mengekalkan keamanan dan menjaga kesejahteraan masyarakat khususnya pengguna jalan raya.

Katanya, pihaknya sering menerima rungutan dan aduan daripada orang awam mengenai

gangguan daripada penunggang yang tidak berkepermanusiaan.

"Antara aduan yang kita terima ialah gangguan bunyi bising ekzos motorsikal yang telah diubah suai dan aktiviti mat rempit yang sering dilakukan di beberapa jalan raya di sekitar pulau ini" katanya. WK

Dua premis dikompaun gagal patuh syarat lesen, lebih had pelanggan - Fary Akmal

AKIBAT melanggar kesalahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) membawa padah apabila dua buah premis hiburan dan 50 individu telah dikompaun semasa Operasi Pemeriksaan Pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) PKPB dan Lesen Perniagaan Perbadanan Labuan pada Sabtu lalu.

Operasi bermula jam 9 malam itu dijalankan oleh Jabatan Penguatkuasa PL dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam memastikan SOP PKPB sentiasa dipatuhi.

Ketua Pegawai Eksekutif PL, Dr Fary Akmal Osman berkata, menerusi operasi itu mendapati dua premis restoran bistro telah melanggar SOP PKPB.

Katanya, kedua-dua premis itu telah dikompaun atas kesalahan melanggar syarat lesen PL iaitu aktiviti premis restoran (muzik yang kuat berunsurkan premis hiburan) Ordinan Pelesenan Perdagangan (CAP 144) 1948 dan melebihi had pelanggan yang ditetapkan.

"Notis amaran terakhir turut dikeluarkan diatas kesalahan tidak mencatat dengan lengkap butiran pengunjung di dalam buku kehadiran pelanggan," katanya dalam satu kenyataan, pada Ahad.

Ujar beliau lagi, tindakan



FARY (dua dari kanan) memberikan taklimat kepada anggota Penguatkuasa PL semasa menjalankan Operasi Pemeriksaan Pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) PKPB dan Lesen Perniagaan PL, pada malam Sabtu.

kompaun turut dikeluarkan oleh PDRM terhadap sebuah premis dan 50 pengunjung yang membabitkan sejumlah RM75,000 atas melanggar SOP PKPB.

Katanya, operasi itu turut dimaklumkan kepada Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri TPr Annuar Musa dan

beliau mengarahkan agar PL meningkatkan operasi pemantauan dan penguatkuasaan di pulau ini.

"Beliau memandang serius sebarang pelanggaran SOP dan mengarahkan PL mengambil tindakan tegas bagi mencegah penularan COVID-19 yang semakin meningkat," ujarnya. WK

Langgar SOP: 16 individu dikompaun bernilai RM32,000

SERAMAI 16 individu berumur dalam lingkungan 18 tahun hingga 48 tahun telah dikenakan kompaun oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) atas kesalahan melanggar Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Menurut Ketua Polis Daerah Labuan, Superintendant Ahmad Jawila, 16 kompaun yang telah dikeluarkan itu membabitkan sejumlah RM32,000 yang melibatkan pelbagai kesalahan.

Katanya, kompaun yang dikeluarkan ketika operasi penguatkuasaan prosedur operasi standard (SOP) PKPB melibatkan kesalahan yang tidak mempunyai permit rentas daerah, mengadakan keramaian tanpa

penjarakan sosial, tidak mengimbas MySejahtera dan sebagainya.

"Kita memandang serius kesalahan-kesalahan yang dilakukan dan menasihati agar warga Labuan sentiasa peka dan mematuhi SOP PKPB," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Jelas Ahmad, pihaknya kini menugaskan sebanyak 15 pasukan dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi melakukan pemantauan pematuhan SOP PKPB secara 24 jam.

"Tindakan tegas perlu diambil sebagai usaha membantu Labuan dan negara khasnya dalam melandaikan lenguk COVID-19," tambahnya. WK



AHMAD

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

13 keluarga disahkan positif COVID-19, dibantu MPPWP Batu

SYAHIDI BAKAR

PRIHATIN dengan nasib 13 keluarga yang sedang menjalani fasa kuarantin di rumah setelah positif COVID-19, mendorong simpati Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Batu, tampil menghulur bantuan kepada mangsa.

Menurut Pengerusinya, **Gulam Muszaffar Gulam Mustakim**, kesemua mangsa terdiri daripada 10 keluarga di Flat Sri Perak dan tiga lagi keluarga di PPR Batu Muda, menerima bantuan barang dapur disampaikan oleh wakil MPPWP Parlimen Batu ke rumah masing-masing.

Katanya, mangsa yang didapati positif hasil ujian *swab test* dilakukan setelah bergejala serta tidak sihat, berkemungkinan telah dijangkiti COVID-19 melalui kontak rapat kepada pesakit atau telah berhubung secara terus dengan individu positif.

"Mangsa disahkan positif lebih seminggu lalu terdiri daripada penduduk pelbagai peringkat umur yang kini jalani kuarantin di

rumah masing-masing.

"Menyedari kesulitan dialami oleh semua mangsa maka kami di MPPWP berfungsi sebagai medium perantara bagi penduduk, mengambil pendekatan memberi barang keperluan asas sebagai cara persediaan untuk mereka."

"Dengan bantuan ini, sedikit sebanyak membantu mereka menjalani kuarantin dengan selamat dan ada bekalan makanan yang mencukupi," katanya yang mengakui bimbang kadar peningkatan kes semakin ketara setiap hari.

Setiap pek sumbangan mengandungi beras, gula, susu, tepung, biskut dan lain-lain barang asas dilanggarkan bernilai sekitar RM50 hingga RM60 diaghikkan kepada semua mangsa yang sedang menjalani kuarantin di rumah.

Menurut Gulam Muszaffar, dalam tempoh satu minggu yang lalu, sebanyak 200 pek sumbangan telah diaghik kepada mangsa setakat ini dan *trend jangkitan dijangka terus melonjak*.



terutama yang melibatkan Kluster Bandar Sentul.

Katanya sebagai langkah awal pencegahan dan kawalan, MPPWP Parlimen Batu melaksanakan 3 kaedah keselamatan iaitu Langkah Kenal Pasti Pesakit dengan kerjasama dari Pusat Kesihatan Daerah (PKD) melakukan ujian saringan awal.

"Selain itu disediakan Program Sanitasi Rumah, Surau, Masjid dan lokasi awam; serta wujudkan Tadk Force MPPWP Batu dengan berfungsi bagi mengendalikan kes jangkitan COVID-19 di dalam komuniti," ujarnya. **WK**



SALAH seorang wakil MPPWP Parlimen Batu berkunjung ke rumah salah seorang mangsa positif COVID-19 bagi menyerahkan bantuan barang keperluan dapur.

MPP Parlimen Batu sedia bantu penduduk dalam kawasan PKPD

MESKIPUN keseluruhan kawasan di Kampung Batu Muda Tambahan telah diletakkan di dalam Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Parlimen Batu tetap bersiap sedia untuk menghulurkan bantuan sekiranya ada dalam kalangan penduduk yang memerlukan bantuan.

Pengerusinya, **Gulam Muzaffar Gulam Mustakim** berkata, situasi di dalam kawasan Kampung Batu Muda Tambahan pada ketika ini agak stabil kerana penduduk sudahpun bersedia untuk menghadapi situasi tersebut.

"Keadaan disini terkawal dan tiada suasana kelam kabut apabila pihak keselamatan memasang kawat duri di depan kawasan kejiranannya."

"Itu memberi gambaran bahawa penduduk tidak panik, stand down dan memahami arahan untuk menjalani kuarantin di rumah masing-masing."

"Cuma ada segelitir yang merungut sedikit kerana kawalan diperketatkan walaupun pintu keluar masuk ada disediakan namun ia dikawal dengan ketat, dalam masa sama ia tidaklah seperti 'total lockdown'", katanya kepada Wilayahku pada Isnin.

Gulam Muszaffar berkata, meskipun kawasan tersebut telah diletakkan di bawah PKPD, pihaknya kurang menerima



PENDUDUK keluar membuat swab test di tempat yang disediakan di sekitar Kampung Batu Muda Tambahan.

permohonan bantuan kecemasan daripada penduduk.

"Keperluan itu tidak mendesak disebabkan kawasan yang terlibat adalah eksklusif dan elit serta kebanyakkan penduduk yang terlibat merupakan pesara kerajaan dan warga emas.

"Cuma ada satu dua kes yang memerlukan bantuan seperti lampin pakai buang dan sebagainya kerana mereka merupakan penyewa di dalam kawasan tersebut dan tidak boleh keluar dan tiada cara untuk mendapat bekalan."

"Disebabkan itu, mereka terpaksa berhubung dengan MPP dan kita membantu penduduk

ini untuk mendapatkan bekalan," katanya.

Beliau memberitahu, pihaknya telahpun mengadakan koordinasi dengan agensi kerajaan yang terlibat untuk menyelaraskan bantuan kepada penduduk yang memerlukan.

"Pihak MPP telah mengadakan koordinasi dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kerana segala penyelarasan bantuan dan sumbangan mestilah melalui jabatan tersebut."

"MPP turut memberikan bantuan dan barang dapur, lampin pakai buang dan ubat-ubatan kepada penduduk yang terputus bekalan dan bantuan ini



JABATAN Penerangan bergerak dari rumah ke rumah dibantu polis untuk memberikan informasi tambahan kepada penduduk di kawasan PKPD.

akan diselaraskan dan ia setakat ini berjalan dengan lancar dan tiada rungutan daripada penduduk setakat ini," katanya.

Tambahnya, untuk mempelbagaikan lagi bantuan kepada penduduk yang terjejas, Gulam turut mengadakan perbincangan dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Dalam pada itu, Gulam Muzaffar berkata, pihaknya telah mewujudkan sekretariat dan pasukan task force untuk membantu orang ramai di dalam kawasan Parlimen Batu memandangkan sebahagian besar kawasan tersebut telah di-

kategorikan sebagai Zon Merah.

"Sekretariat ini diwujudkan untuk membantu orang ramai untuk melakukan ujian calitan pengesanan COVID-19 bagi memudahkan urusan penduduk."

"Kami turut mewujudkan satu task force melalui kumpulan whatsapp yang dianggotai wakil-wakil agensi kerajaan termasuk Pegawai Kesihatan Daerah, wakil Ibu Pejabat Polis Daerah, JKM, Baitulmal, Pengurus Sub Zon MPP.

"Semua isu dan informasi berkaitan dengan COVID-19 termasuklah soal bantuan akan diketengahkan dan akan dirujuk melalui task force yang diwujudkan itu," katanya. **WK**

Kutip pengalaman hebat di Kejohanan ARFU Laos

Afdli impi sertai tim ragbi Malaysia

AINI MAWAWI

Pemain ragbi Wilayah Persekutuan, Muhammad Afdli Shah Norbasharudin, 22, menyasarkan untuk melayakkan diri dalam tim ragbi Malaysia sedikit masa lagi.

Menurutnya impian tersebut mula dipasang sejak dua tahun lalu apabila terpilih menyertai pasukan ragbi Malaysia bawah 20 tahun beraksi di Kejohanan Kesatuan Bola Sepak Ragbi Asia (ARFU) yang berlangsung di Laos.

"Itu merupakan antara peluang manis yang diperolehi di bawah Program Pembangunan Ragbi Kebangsaan (NRDP). Sejurnya sukar untuk melayakkan diri pada mulanya memandangkan pemain yang datang untuk pemilihan semuanya hebat.

"Walau bagaimanapun kesempatan bermain dengan pemain hebat di Asia menjadi titik tolak untuk saya lebih berusaha keras bagi menempatkan diri di peringkat yang lebih tinggi sedikit masa lagi," ujar pemain posisi forward ini kepada *Wilayahku*.

Kongsinya lagi, ketika beru-



sia 17 tahun, dia juga pernah berpeluang menyertai pasukan hoki kebangsaan bawah 17 tahun beraksi pada Kejohanan ARFU yang berlangsung di Hongkong.

"Saya rasa bertuah kerana peluang sentiasa datang pada masa yang tepat kerana itu saya berazam untuk bergelar pemain kebangsaan. Sekurang-kurangnya ia menjadi kayu pengukur dalam kerjaya sukan ini," ujarnya.

Dia yang kini merupakan pasukan Serdang Angels Universiti Putra Malaysia sentiasa memandang sukan ragbi sebagai salah satu sukan yang memiliki masa hadapan yang cerah.

"Ragbi sedang dalam perhatian di semua peringkat samada di Malaysia maupun dunia. Malah merupakan sukan teras dalam program Majlis Sukan Negara (MSN). Sebagai atlet, saya rasa bangga dengan progres yang sedang dilalui oleh ragbi," ujarnya.

Beralih kepada perkembangan terkini, pelajar jurusan Ijazah Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) ini berkata, dia akan menyertai Kejohanan Perak National 7 side yang dijangka pada



JUN INI

"Apapun kita masih tunggu keputusan samada kejohanan tersebut berlangsung atau tidak memandangkan kes positif COVID-19 di negara kita amat membimbangkan," ujarnya.

Sama seperti atlet lain, Muhammad Afdli sukar untuk mempamerkan aksi terbaik dalam masa terdekat memandangkan banyak kejohanan yang terpaksa dibatalkan atau ditunda kerana pandemik ini.

Kejayaan Muhammad Afdli

2019 - Kejohanan Kesatuan Bola Sepak Ragbi Asia (ARFU), Laos (bawah 20 tahun) - Nombor 5

2019 - Kejohanan Majlis Sukan-Sukan Universiti Malaysia (MSSUM), Perlis - Juara

2016 - Kejohanan Kesatuan Bola Sepak Ragbi Asia (ARFU), Hong Kong (bawah 17 tahun) - Nombor 5

2016 - Wakil NRDP ke Korea (bawah 20 tahun) - Nombor 5

Facebook: Muhammad Afdlin Shah
Instagram: @afdlishah

"Diharapkan keadaan pulih seperti biasa supaya saya dapat terus berlatih dan seterusnya menggapai impian untuk bergelar pemain ragbi Malaysia secepat mungkin," ujarnya yang menjadikan pemain ragbi New Zealand, Richie McCaw sebagai idola kerana kemahiran individual pemain tersebut yang hebat. **WK**

Jurulatih Arul puji kematangan pemain gigih jalani latihan

MUNGKIN ia adalah tanda kematangan dalam kalangan pemain hoki negara. Atau mereka mungkin merasa bosan menjalani latihan sendiri dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Apapun, ketua jurulatih skuad



ARUL lihat pemain masih bermotivasi biarpun dalam tempoh PKP.

hoki lelaki kebangsaan **A. Arul Selvaraj** terkejut anak buahnya yang kesemuanya menjalani latihan individu di rumah kerana pelaksanaan PKP untuk membendung penularan COVID-19, semua telah memintanya untuk meningkatkan intensiti latihan mereka selain mengambil inisiatif melakukan usaha tambahan sendiri.

Katanya, selain menyertai sesi latihan dalam talian, beliau berkata pemain juga mengambil inisiatif menjalani latihan fizikal sendiri termasuk berlari dan berjogging di kawasan perumahan masing-masing atau taman berhampiran sebelum menyerahkan laporan kemajuan harian wajib mereka kepada pakar fizioterapi pasukan, Dr Carl James.

"Saya dapat lihat pemain masih bermotivasi walaupun keadaan semasa di seluruh negara. Ia adalah

petanda yang sangat positif buat saya kerana sampai sekarang, saya belum jumpa mana-mana pemain Malaysia yang mahu melakukan usaha tambahan sendiri dan gigih dalam latihan."

"Saya tidak dapat jalankan apa-apa latihan hoki pada ma-

si ini. Jadi latihan dalam talian banyak memberi tumpuan kepada kekuatan teras dan sedikit senamrobik," katanya kepada Bernama ketika dihubungi.

Arul yang membimbing Speedy Tigers sejak Ogos 2020, juga percaya PKP ini juga ada hikmahnya kerana telah mengajar pemainnya supaya lebih matang, berdikari dan bekerja keras.

Ia adalah aspek terakhir kerja keras yang mengujakan beliau kerana dia jelas menilai pemain yang rajin lebih daripada yang berbakat.

"Saya tidak pasti pemain berbakat akan bekerja keras atau tidak, tetapi saya tahu pemain yang rajin akan menutup setiap helai rumput walaupun saya tidak berada di sekeliling dan saya percaya semua pemain memahami moto saya: anda mestilah cergas untuk bermain hoki, anda tidak bermain hoki untuk cergas," jelasnya.

Sementara itu, Arul juga berharap satu-satunya kejohanan senior yang kekal dalam kalender hoki tahun ini iaitu Kejohanan Trofi Juara-Juara Asia (ACT) akan diadakan seperti yang dijadualkan di Dhaka, Bangladesh mulai 1 hingga 10 Okt ini. - BERNAMA

Pasukan Liga-M terima vaksin pada fasa ketiga - MFL

Pemain dan pasukan Liga Malaysia (Liga-M) dijangka menerima suntikan vaksin pada fasa ketiga Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Liga Bola Sepak Malaysia (MFL), **Datuk Ab Ghani Hassan** berkata atas inisiatif sendiri beberapa pasukan bakal menghadap kejohanan Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) telah menerima vaksin tersebut.

Pasukan Johor Darul Ta'zim (JDT) akan menghadapi peringkat kumpulan saingan Liga Juara-Juara AFC dari 22 Jun hingga 7 Julai di Thailand manakala Terengganu FC (TFC) dan Kedah Darul Aman (KDA) FC bersaing dalam peringkat kumpulan Piala AFC bermula 29 Jun hingga 6 Julai di Singapura.

"Berkemungkinan besar vaksin untuk pemain Liga-M dilaksanakan dalam fasa ketiga kerana buat masa ini kerajaan mendaulukan golongan yang lebih memerlukan," katanya ketika dihubungi.

KDA FC dilaporkan menerima suntikan pertama pada 13 April lalu, manakala TFC pula dilaporkan mendapat vaksinasi pada Ahad lalu.

Seramai 29 pemain dari pasu-



AB GHANI

kan kebangsaan, yang kini berada di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) untuk persediaan kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023, melengkapkan dos kedua pada 10 Mei lalu.

Sementara itu, Ab Ghani berkata pihaknya dijangka mengumumkan pindaan jadual Liga-M dalam minggu ini, berikutan peningkatan tempoh kuarantin ke 14 hari sejurus tiba ke tanah air, berbanding tempoh tujuh hari sebelum ini.

Terdahulu, MFL menjadualkan Liga Premier bersambung semula pada 18 Jun ini selepas skuad negara kembali ke tanah air manakala Liga Super bermula semula pada 9 Julai selepas saingan AFC. - BERNAMA



Henti politikkan isu COVID-19 - Annuar

AZLAN ZAMBRY

SEMUA pihak diminta untuk menghentikan sebarang cubaan untuk mempolitikkan isu pandemik COVID-19 yang kini telah memasuki gelombang ketiga dan menyebabkan banyak kematian serta telah menjangkiti lebih 500,00 orang di seluruh negara.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, dalam situasi genting ini, semua pihak harus berusaha bersama-sama merentasi politik kepartian agar masalah ini dapat ditangani bersama sehingga berjaya.

"Keutamaan kerajaan adalah selamatkan rakyat. Kerajaan bertindak secara kolektif tanpa mengira soal kepartian.

"Malah mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) Khas COVID-19 turut melibatkan kerajaan parti pembangkang, termasuk Parti Keadilan Rakyat (PKR) (Selangor) dan Parti Tindakan Demokrasi (DAP) (Pulau Pinang). Soal parti langsung tidak berbangkit," ciapnya di laman Twitter pada Ahad.

Annuar berkata, sehingga kini tiada negara di dalam dunia yang mengistiharkan mereka telah berjaya sepe-

nuhnya menangani masalah tersebut kerana gelombang COVID-19 yang tidak berhenti.

"Kita tidak perlu cuba mengada-adakan apa yang tidak ada. Kerajaan tidak pernah memutuskan berjaya atau gagal pada masa ini, terutama dalam situasi penularan COVID-19 yang dinamik dan berubah-ubah.

"Jauh sama sekali kerajaan nak kaitkan berjaya atau gagalnya dengan mana-mana parti. Kerajaan kekal fokus (terhadap) usaha menangani COVID-19" katanya.



SEMUA pihak harus berganding bahu dan bekerjasama merentasi kepartian demi memastikan sistem kesihatan tidak lumpuh sekali gus dapat menghentikan penularan wabak COVID-19.

Annuar turut menzhirkan harapan agar usaha yang dirintis oleh kerajaan dan didokong rakyat ini akan dapat melandaikan jumlah jangkitan dan seterusnya mengembalikan negara seperti sedia kala.

"Berkat muafakat semua pihak dalam kerajaan dan luar kerajaan termasuk rakyat jelata keseluruhannya, kita Insya-Allah akan berjaya.

"Tiada shortcut, tiada pendekatan simplistik melainkan kita wajib berusaha sedaya upaya kita.

"Usahlah berpolitik berlebihan dalam soal COVID-19 ini. Berpada-pada," katanya

Beliau turut menasihatkan segelintir pihak untuk berhenti dari mempolitikkan soal COVID-19 kerana kesan langsung yang dapat dilihat hari ini.

"Justeru, nasihat saya, berhentilah dari percubaan mempolitikkan soal COVID-19. Lebih baik kita berusaha mempertingkatkan kerjasama rentas kepartian agar urusan COVID-19 ini dapat ditangani bersama dengan jayanya.

"Tiada negara isytihar mereka berjaya, kerana gelombang demi gelombang datang," katanya.

WK

133 orang gelandangan diselamatkan DBKL

DIANA AMIR

SERAMAI 133 orang gelandangan diselamatkan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu Operasi Menyelamatkan Gelandangan pada Ahad lalu.

Operasi yang bermula pada 11.00 malam ini turut melibatkan Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat serta Yayan Kebajikan Negara dengan kekuatan anggota seramai 125 orang.

Menerusi kemas kini di laman Facebook, DBKL berkata seramai 133 orang gelandangan telah berjaya diselamatkan di beberapa kawasan sekitar ibu kota.

"Operasi ini meliputi kawasan Brickfields, KL Sentral, Masjid Negara, Dataran Merdeka, Jalan Raja Laut, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Maju Junction, Masjid India, Masjid Jamek, Cahaya Suria, Bangkok Bank dan di sekitar Hentian Bas Klang.

"121 gelandangan yang diselamatkan merupakan warga tempatan dan 111 daripadanya adalah lelaki serta 10 wanita manakala baki adalah bukan warganegara," katanya menerusi satu kenyataan.

Tambahnya kesemua para gelandangan akan ditempatkan di beberapa Pusat Sementara Gelandangan (PSG).

"87 orang akan ditempatkan di PSG Sentul Perdana manakala 34 orang di PSG Setiawangsa dan bakinya seramai 12 orang akan ditempatkan di PSG Jinjang Utara," ujarnya mengenai jumlah di setiap PSG.

Jelasnya juga berharap tindakan proaktif DBKL serta agensi ini dapat membantu mengawal penularan wabak COVID-19 di kalangan para gelandangan dan membantu dalam memulihkan tatacara kehidupan mereka. WK

Kes jangkitan banyak, ambil vaksin cara terbaik - Elfira Loy

DEEL ANJER

PELAKON popular **Elfira Loy**, 27, mengaku walaupun pernah mendengar pelbagai pendapat orang ramai tentang vaksin COVID-19, dia tidak mudah terpengaruh malah yakin dengan kebaikan suntikan tersebut.

Demi kebaikan diri, keluarga dan orang sekeliling, Elfira mengambil suntikan vaksin AstraZeneca, awal Mei lepas.

Dia menerima suntikan dos pertama di Pusat Pemberian Vaksin Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor.

Menurutnya, sebagai artis yang bertemu dengan ramai orang, keputusan untuk mengambil vaksin adalah

demi anaknya, Muhammad Rayyan Khalaf, 2.

"Kes jangkitan pun banyak sekarang dan ambil vaksin adalah cara terbaik. Tidak dinafikan, awalnya saya rasa takut jumpa doktor dan memikirkan kesannya.

"Bila terlalu takut, kita akan cari kesan yang buruk. Tapi kalau dilihat banyak kesan baik berbanding buruk. Oleh itu, saya hanya fokus pada mereka yang cerita positif," katanya yang akan mengambil dos kedua pada Ogos ini.

Elfira memberitahu, pendaftaran dibuat sejurus pengumuman dilakukan, dengan masukkan nama saya, suami, emak dan adik.

Menurutnya lagi, dia menyedari

masih ada yang ragu-ragu atau tidak mempercayai kepentingan vaksin COVID-19.

Dalam masa sama, Elfira juga membuktikan dirinya berada dalam keadaan baik selepas menerima vaksin.

"Saya ni seorang yang takut berjumpa doktor. Namun, saya teruja dengan keberkesanannya serta sedar kepentingannya kepada kita semua.

"Saya rasa ia sangat penting dan lambat-laun memang kena juga ambil. Prosesnya pun lancar, kita hanya ikut arahan yang ditunjukkan. Ia sangat cepat dan efisien."

"Saya juga selalu baca kesan selepas suntikan akan nampak selepas lima atau enam jam. Tapi tengoklah

saya okey saja," katanya yang berada dalam keadaan sihat dan tidak sabar menanti hari suntikan vaksin kedua.

Justeru dia berharap, perkongsianya akan membuka hati orang lain untuk mendaftar dan terima vaksin apabila pendaftaran dibuka lagi pada masa akan datang.

WK



ELFIRA LOY